


**Jilid I
Bil. 19**



**Hari Isnin
28hb Julai, 1975**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KEEMPAT
Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN [Ruangan 1865]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Matawang Malaysia (Ringgit) [Ruangan 1875]

**Rang Undang-undang Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan)
(Pindaan) [Ruangan 1896]**

Rang Undang-undang Penstabilan Harga Getah [Ruangan 1926]

MALAYSIA

PARLIMEN YANG KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL PERTAMA

Hari Isnin, 28hb Julai, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN TAPA, P.J.K., A.M.N. (Melaka).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. Gabriel (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN OOI ENG HONG, S.M.K., P.P.N., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K. Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIK HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh.)
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J., (Pontian).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PEJABAT-PEJABAT RISDA

1. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan bilangan Pejabat RISDA yang telah dibuka di seluruh Malaysia, mengikut negeri.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, Pejabat-pejabat RISDA yang telah dibuka di seluruh Malaysia mengikut negeri adalah seperti berikut:

| | |
|-----------------------------------|-----|
| 1. Kedah | 13 |
| 2. Perlis | 1 |
| 3. Pulau Pinang/Seberang Prai ... | 4 |
| 4. Perak | 35 |
| 5. Selangor | 8 |
| 6. Negri Sembilan | 10 |
| 7. Melaka | 5 |
| 8. Pahang | 23 |
| 9. Johor | 25 |
| 10. Trengganu | 6 |
| 11. Kelantan | 19 |
| Jumlah | 149 |

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari jumlah Pejabat RISDA yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama tadi, saya hendak tahu adakah Kementerian ini sedang menyusun pentadbiran RISDA yang ada sekarang supaya sesuai dengan pembangunan Dasar Ekonomi Baru?

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, ya.

GURU-GURU SEMENTARA

2. Tuan A. Arunasalam minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) samada beliau sedar bahawa ramai guru-guru sementara yang telah ber-

khidmat selama 4 atau 5 tahun tidak diberi peluang untuk mengikuti kursus semasa dalam perkhidmatan terutama di Sekolah-sekolah China;

(b) apakah syarat-syarat bagi membolehkan guru-guru sementara ini dipilih untuk mengikuti kursus semasa dalam perkhidmatan dan samada syarat-syarat ini dijalankan serentak di semua negeri; dan

(c) apakah rancangan lain yang Kementerian ada untuk mempercepatkan latihan guru-guru sementara yang telah berkhidmat selama 3 tahun atau lebih supaya mereka tidak dibuang kerja atau tetap sebagai guru sementara sahaja.

Timbalan Menteri Undang-undang (Datuk Athi Nahappan): Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab soalan ini bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pelajaran.

(a) Saya sedar ramai guru-guru sementara yang sedang berkhidmat, tetapi berapa ramai yang telah berkhidmat selama 4 atau 5 tahun belum dapat dipastikan lagi. Ini adalah kerana tugas-tugas membuat kaji selidik (survey) bagi guru-guru sementara itu untuk mengetahui butir-butir penuh mengenai pengalaman mengajar, kelayakan akademik, kelulusan Bahasa Malaysia dan sebagainya belum lagi selesai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun ini 700 orang guru-guru sementara akan diberi kursus latihan perguruan asas.

(b) Syarat-syarat yang diperlukan bagi membolehkan guru-guru sementara masuk kursus latihan perguruan asas bagi guru-guru sementara, dalam masa cuti ialah seperti berikut:

(i) Warganegara Malaysia;

(ii) Sedang berkhidmat sebagai guru sementara yang mengajar di sekolah-sekolah Kerajaan dan mempunyai pengalaman mengajar sebagai guru sementara di sekolah-sekolah tersebut sekurang-kurangnya selama 2 tahun;

(iii) *Kelayakan Akademik:*

Sekurang-kurangnya lulus peperiksaan SPM/MCE/SC;

(iv) *Kelulusan Bahasa Malaysia:*

Kepujian dalam Bahasa Malaysia pada peringkat SPM/MCE/SC atau yang setaraf dengannya. Calun-calun yang lulus dalam Bahasa Malaysia pada peringkat SPM/MCE/SC atau setaraf dengannya boleh juga dipertimbangkan, tetapi mereka itu sekiranya dipilih adalah dikehendaki memperolehi kepujian dalam Bahasa Malaysia peringkat SPM/MCE atau yang setaraf dengannya sebelum tamat latihan;

(v) Sekurang-kurangnya kepujian dalam 1 mata pelajaran yang lain daripada yang tersebut di atas peringkat SPM/MCE/SC;

(vi) Tidak pernah mengikuti latihan perurusan anjuran Kementerian Pelajaran. Syarat-syarat ini adalah dikenakan untuk semua negeri di Semenanjung Malaysia.

(c) Kementerian Pelajaran sekarang sedang mempertimbangkan untuk memberi latihan profesyen kepada lebih ramai lagi guru-guru sementara yang sedang berkhidmat yang memenuhi semua syarat-syarat yang telah disebutkan di atas. Satu rancangan raksaksa sedang disusun untuk memberi latihan ikhtisas kepada guru-guru sementara itu. Apabila rancangan itu selesai dan kewangan yang diperlukan untuk membiayai rancangan tersebut diperolehi, maka calun-calun yang layak serta memenuhi semua syarat-syarat yang diperlukan akan diberitahu mengikut saluran-saluran yang tertentu. Dengan demikian adalah diharapkan ramai guru-guru sementara terutama yang telah berpengalaman mengajar lebih daripada 3 tahun akan dapat diberi latihan ikhtisas.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana nampaknya Yang Berhormat Menteri-menteri tidak ada, saya pun tidak hendak bertanya panjang-panjang, dan saya cuma hendak bertanya oleh kerana guru sementara ini masa mereka bekerja dan hendak masuk kerja telah diberitahu bahawa mereka ini akan bekerja sementara. Saya bertanya ini oleh kerana perkara ini telah

berbangkit, barangkali kalau tidak salah saya, berpuluh-puluh kali di Dewan Rakyat dan Dewan Negara berkenaan dengan soal guru sementara ini. Kita telah tahu guru-guru ini adalah guru sementara dan terus sementara. Dengan sebab itu hendaklah diputuskan oleh Kerajaan sekali sahaja iaitu guru sementara ini adalah untuk sementara, apabila dapat guru yang mempunyai cukup pelajaran, maka guru ini akan diambil dan mereka akan diberi bonus atau diberi sebulan notis dan mereka bolehlah mencari kerja lain. Ada atau tidak diberitahu oleh Kementerian Pelajaran kepada mereka ini?

Datuk Athi Nahappan: Sebagaimana Yang Berhormat telah mengetahui pada dasarnya Kerajaan tidaklah menahankan situasi atau keadaan guru-guru sementara sebagai satu aturan yang tetap. Dasar Kerajaan ialah untuk menukarkan guru-guru sementara kepada guru-guru tetap. Tetapi sebelum guru-guru sementara yang boleh menjadi sebagai guru-guru tetap mereka hendaklah mengambil sekurang-kurangnya peperiksaan yang perlu dan Kerajaan juga dari semasa ke semasa memberi peluang-peluang untuk latihan bagi guru-guru sementara menjadi guru-guru tetap.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu bilangan guru-guru sementara yang ada sekarang dan angka kadarnya yang telah diberi kursus ini dan dari angka ini berapa peratus daripada Sekolah-sekolah China?

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis atas soalan ini.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Adakah practice Kementerian Pelajaran supaya guru-guru sementara yang telah menerima kursus seperti ini dan jikalau mereka mahu berbahasa China, disalurkan kepada sekolah-sekolah China yang kekurangan guru-guru itu?

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini juga saya minta notis sebelum saya boleh menjawabnya.

MAJLIS KERAJIAN/KERAMAIAAN DI SEKOLAH-SEKOLAH

3. Puan Zawiyah binti Abdullah (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau setuju dengan tindakan yang diambil oleh Pengarah Pelajaran Negeri Perak mengharamkan majlis keraian/keramaian yang di dalamnya ada acara tari-menari dan minuman keras di sekolah-sekolah di seluruh Negeri Perak dan jika ya, adakah beliau bercadang mengeluarkan arahan-arahan kepada Pengarah-pengarah Pelajaran negeri-negeri lain supaya berbuat sedemikian.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pelajaran, suka saya menyatakan iaitu majlis keraian di sekolah-sekolah yang di dalamnya ada acara tari-menari dan minuman keras yang dihadiri oleh murid-murid tidak dibenarkan.

Perhimpunan muhibbah dan majlis keraian untuk mengeratkan perhubungan dan sefahaman di antara guru-guru dan di antara guru-guru dan ibubapa-ibubapa boleh diadakan di sekolah, tetapi Guru Besar sekolah yang berkenaan patutlah menggunakan kebijaksanaannya supaya majlis dan perhimpunan seperti itu tidak mempengaruhi murid-murid ke arah yang tidak diingini.

Semua Pengarah Pelajaran termaklum mengenai hal ini dan Kementerian Pelajaran berpendapat tidak perlu mengeluarkan arahan-arahan lain lagi pada masa sekarang.

INSTITUSI-INSTITUSI PELAJARAN TINGGI—PEMBERIAN TEMPAT

4. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebab murid-murid keturunan India tidak mendapat tempat-tempat sebanyak 10% di institusi-institusi pelajaran tinggi di Malaysia sungguhpun Kerajaan mempunyai dasar untuk memberi tempat-tempat di universiti-universiti kepada mereka.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pelajaran, saya ingin menjawabnya seperti berikut:

Pemberian tempat di institusi-institusi pelajaran tinggi di negara ini bukan berdasarkan peratus tertentu untuk sesuatu

kaum, seperti 10% mesti diuntukkan kepada pelajar-pelajar keturunan India. Dasar kemasukan ke universiti-universiti berasaskan kelayakan yang ada pada seseorang calon tanpa membezakan keturunan kaumnya. Walau bagaimanapun, sejajar dengan tujuan penyusunan semula masyarakat kita yang berbilang kaum, pengambilan pelajar-pelajar di institusi-institusi pelajaran tinggi adalah seboleholehnya mencerminkan penduduk berbagai keturunan di negara ini.

PEJABAT LEMBAGA PASARAN DAN PELESENAN GETAH MALAYSIA, MELAKA

5. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada:

- (a) beliau sedar oleh penutupan pejabat Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia di Negeri Melaka telah menimbulkan berbagai kerumitan terhadap pekebun-pekebun kecil getah di Negeri Melaka yang hendak membaharui lesen menyimpan dan menjual getah mereka; dan
- (b) beliau akan menimbang supaya pejabat tersebut diadakan semula di Negeri Melaka untuk kemudahan pekebun-pekebun kecil getah di negeri ini.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebenarnya tidak ada penutupan Pejabat Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia di Negeri Melaka sebagaimana yang dipersoalkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Lembaga tersebut hanya mengurangkan bilangan kakitangan Pejabatnya itu sahaja dan semua urusan pengeluaran lesen adalah diselenggarakan oleh Pejabat Lembaga itu di Seremban. Pelesen-pelesen yang berkehendakkan lesen-lesen untuk dibaharui atau pemohon-pemohon yang berkehendakkan lesen-lesen bolehlah berhubung dengan Pejabat Lembaga itu di Melaka dan Pejabat tersebut akan menyalurkan permohonan itu ke Seremban untuk tindakan sewajarnya.

Soal penempatan pejabat kawasan tidak sepatutnya menimbulkan sebarang masalah kepada pekebun kecil kerana mulai 1hb Ogos ini, Lembaga tersebut

akan menghantar Yunit-yunit Bergerak Khas ke kampung-kampung yang terbesar untuk mengeluarkan lesen-lesen yang berkenaan kepada mereka. Yunit-yunit itu akan mengeluarkan lesen-lesen tersebut bertempat di Balai-balai Penghulu atau Balai-balai Raya atau di Pusat-pusat Memproses Getah Berkelompok. Dengan itu penduduk-penduduk kampung tidaklah dikehendaki pergi ke Pejabat kawasan Lembaga. Saya berharap dengan adanya sistem ini pekebun-pekebun kecil tidak akan menghadapi masalah pembayaran lesen lagi.

- (b) Sebab-sebab mengapa Seremban dipilih sebagai Pejabat kawasan Negeri Sembilan dan Melaka adalah kerana Seremban difikirkan "Central" di dalam kawasan itu. Ini akan melicinkan pentadbiran sistem pengeluaran lesen dan pengawasan kepada aktibiti-aktibiti yang berkenaan. Bilangan kaki-tangan akan ditambah sebaik sahaja didapati keadaan memerlukan.

GETAH DARIPADA PEKEBUN-PEKEBUN KECIL

6. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapa banyak getah telah dibeli oleh RISDA, semenjak RISDA diambil alih oleh Kementerian ini dan berapa lamakah lagi Kerajaan akan membeli getah ini.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak kena pada masa ini untuk mengeluarkan apa-apa perangkaan yang berkaitan dengan jumlah getah yang dibeli oleh Kerajaan.

Kerajaan akan terus membeli getah daripada pekebun-pekebun kecil sehingga matlamat Kerajaan dalam rancangan untuk mengstabilkan harga getah tercapai.

SEKOLAH-SEKOLAH MELAYU/TAMIL—BANTUAN MAKANAN

7. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa banyak sekolah-sekolah Melayu dan Tamil tidak dapat bantuan makanan dari pihak berkenaan sungguhpun sekolah-sekolah ini telah membuat rayuan dan permohonan untuk mendapatkan makanan seperti susu dan lain-lain benda.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini jawapannya ialah "ya", dan Yang Berhormat Menteri Pelajaran sedar atas soal ini. Sekiranya apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah makanan tambahan yang pernah dianjurkan oleh Majlis Kebajikan Pusat dan Perkhidmatan Kebajikan Katholik Malaysia. Semenjak bulan Julai, 1974, Majlis Kebajikan Pusat yang melaksanakan rancangan ini dan Jawatankuasa membuat polisi antara Jabatan dipengerusikan oleh Kementerian Perkhidmatan Kebajikan yang menyelaraskan rancangan ini, telah tidak mampu melayan permintaan-permintaan dari sekolah-sekolah untuk mendapat makanan, oleh kerana bantuan makanan dari Perkhidmatan Pertolongan Katholik Amerika di bawah Public Law 480 telah diberhentikan.

BANK DUNIA/BANK PEMBANGUNAN ASIA/BANK PEMBANGUNAN ISLAM—MENAMBAH MODAL

8. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Kewangan menyatakan berapa modal yang telah dilaburkan oleh Malaysia ke dalam bank-bank:

- (a) Bank Dunia Antara Bangsa, dan
(b) Bank Pembangunan Asia dan lain-lain bank.

Benarkah Malaysia telah menambah modal dalam bank-bank tersebut dan apa faktor yang besar menarik Malaysia menambahkan modal itu.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini, Malaysia telah membayar yuran kepada bank-bank pembangunan antarabangsa yang berkenaan seperti berikut:

| | | | |
|------------------------|-----|-----|---------------|
| Bank Dunia | ... | ... | M\$49.7 juta |
| Bank Pembangunan Asia | | | M\$22.5 juta |
| Bank Pembangunan Islam | | | M\$ 8.16 juta |

Kita masih belum menambah modal kita di dalam Bank-bank itu tetapi dari masa ke semasa mungkin perlu berbuat demikian sekiranya ada permintaan Bank-bank tersebut untuk menambahkan lagi modalnya. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia telah mendapat pinjaman-pinjaman daripada Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia untuk projek-projek pembangunan negara; kerana itu adalah menjadi kepentingan kita untuk menjadi anggota yang

kuukh di dalam yayasan-yayasan kewangan ini. Sebagai pemegang saham, kita juga perlu mengekalkan kedudukan kita di kalangan negara-negara ahli yang lain di dalam yayasan-yayasan itu.

Datuk Mansor bin Mohamad: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat keterangan iaitu daripada sumbangan-sumbangan saham yang telah dikeluarkan setakat ini, bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan berapa banyakkah yang kita telah mendapati faedah daripadanya.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, faedah yang kita dapati, umpamanya, dari Bank Dunia ialah bahawa kita telah mendapat pinjaman-pinjaman seperti yang saya sebutkan untuk projek-projek. Sehingga hari ini kita sudah dapat pinjaman berjumlah M\$865 juta untuk berbagai jenis projek termasuklah rancangan-rancangan tanah, rancangan pelajaran, rancangan membina jalanraya dan juga rancangan untuk bekalan air. Dari Bank Pembangunan Asia (ADB) sehingga ini kita sudah dapat pinjaman berjumlah \$424 juta dan pinjaman-pinjaman tersebut ialah untuk berbagai jenis projek termasuk juga bekalan air, jalanraya, pelabuhan di Pulau Pinang, projek-projek di Sibu dan bekalan api dan letrik di Sarawak.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, adakah penyertaan kita ke dalam bank-bank tersebut menjadi satu syarat bagi kita mendapat pinjaman seperti Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli sahaja yang ada hak mendapat pinjaman dari bank-bank tersebut.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa kah jumlah saham yang paling kecil yang disyaratkan untuk mendapatkan pinjaman yang tersebut?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, dukacita butir-butir yang dikehendaki itu saya tidak dapat menjawabnya pada masa ini, tetapi saham-saham adalah terpulang kepada kemampuan sesebuah negara. Jika negara itu ada kemampuan, negara itu bolehlah membeli saham yang banyak, dengan satu syarat jika sekiranya

kita hendak mendapat satu jawatan pengarah umpamanya, dalam Lembaga Pengarah Bank Dunia, kita mesti menanamkan saham-saham yang cukup, tetapi Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun tidak dapat saham-saham yang mencukupi untuk mendapatkan satu jawatan ataupun satu kerusi dalam Lembaga Bank Dunia itu. Oleh kerana itu, Malaysia telahpun berkongsi dengan jiran-jiran negara kita supaya dapat jumlah undi-undi yang cukup bagi mendapat satu kerusi dalam Lembaga.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin membuat soalan tambahan dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, adakah berasingan pinjaman daripada Bank Dunia Arab untuk projek-projek negara kita ini.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, Bank Pembangunan Islam baru sahaja ditubuhkan. Pada masa sekarang ini mesyuarat yang pertama Ahli-ahli Gabenor Bank Pembangunan Islam akan dijalankan di Jeddah dan setakat ini kita belum mendapat pinjaman dari Bank Pembangunan Islam oleh kerana Bank itu baru sahaja ditubuhkan.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Beberapa buah negara Islam telah berjanji hendak memberikan pinjaman pembangunan kepada kita dan adakah pinjaman yang hendak diberikan oleh negara-negara Arab atau negara-negara Islam kepada Malaysia ini melalui sesuatu bank di mana kita telah menjadi ahli atau terus daripada negara itu kepada negara kita.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, pinjaman-pinjaman yang kita telah dapat dari negeri-negeri Arab yang tertentu ialah melalui badan-badan berkanun negeri-negeri itu sendiri, misalnya, dari Negeri Kuwait kita mendapat pinjaman dari Kuwait Economic Development Fund ataupun Tabung Pembangunan Negeri Kuwait sendiri, dan kita tidak menjadi ahli ataupun mendapat saham dalam yayasan itu oleh kerana yayasan itu ialah yayasan Negeri Kuwait sendiri dan bukan satu yayasan antarabangsa.

STADIUM TERTUTUP

9. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan memandangkan bahawa Malaysia telah menjadi tuan rumah untuk sukan-sukan antarabangsa menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak membina sebuah Stadium Tertutup (Indoor Stadium) yang paling moden dan besar dengan tempat duduk untuk seratus ribu orang kerana Stadium Tertutup yang ada sekarang sangat kecil dan tidak mempunyai kemudahan termasuk satu gelanggang tinju ukuran 24' x 24'.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, saya hendak memberi jawapan bahawa pada masa ini Kerajaan tidak ada cadangan untuk membina sebuah Stadium Tertutup yang terlalu besar dan moden seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MATAWANG MALAYSIA (RINGGIT)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.02 ptg.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta untuk menukar nama unit matawang Malaysia dan untuk memberi kepada perkara-perkara yang berkaitan" dibacakan bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk memberikan pengiktirafan rasmi dan dari segi undang-undang kepada penggunaan perkataan "ringgit" dan "sen" bila menyebut unit perkiraan matawang Malaysia. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedar, perkataan ini sentiasa digunakan oleh orang ramai dan keputusan dibuat telah tibalah masanya untuk menukar takrif di dalam Ordinan Bank Negara Malaysia. Oleh kerana perkataan "ringgit" dan "sen" juga disebut di dalam undang-undang lain, tindakan dikehendaki untuk menentukan semua penggunaan perkataan "dollar" dan "cent" akan bermakna "ringgit" dan "sen". Seksyen 3 Rang Undang-undang ini akan meminda Akta Tafsiran 1967.

Penukaran dari segi undang-undang untuk menetapkan praktik biasa, iaitu bersabit dengan penggunaan perkataan "ringgit" dan "sen" akan mengelokkan lagi image matawang kita yang tetap menjadi kukuh dan stabil.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.05 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob:

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bil ini untuk diluluskan dan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Kewangan kita yang telah dapat menukar nama wang kita dari "dollar" kepada "ringgit" dan "sen", tetapi saya tak tahu berapa lama kita boleh dapat menukar perkataan-perkataan itu di dalam wang kita. Sebab saya sokong kuat dipanggil ringgit ini bermakna dunia aku Malaysia ini ialah sebuah negara yang ada di muka bumi ini kerana banyak lagi orang-orang yang di dunia ini tidak tahu Malaysia, yang mereka tahu ialah Singapura. Dengan adanya penukaran nama wang kita dari dollar kepada ringgit akan mengenalkan kepada dunia adanya Malaysia di muka bumi ini dan sebuah negara yang kaya-raya, cuma ada sebilangan rakyat di negara Malaysia ini yang tidak taat seratus peratus kepada negara kita. Kalau segala kaum di negara Malaysia ini tidak membuat kacau-bilau, semuanya berkelakuan baik, saya percaya negara kita akan bertambah-tambah maju dari sehari ke sehari. Saya merayu kepada ketua-ketua kaum pergi ke kawasannya masing-masing dan merayu kepada kaumnya supaya berkelakuan baik di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka hati sebab nama wang kita ditukarkan kepada ringgit dan sen kerana dollar itu selalu jatuh harganya. Kita tahu dollar ringgit Amerika sudah jatuh nilainya. Saya harap Singapura tidak akan menukar pula nama wangnya kepada ringgit dan sen mengikut Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mendapat tahu dari Kementerian Kewangan bagaimanakah penukaran wang Malaysia dengan wang Singapura pada masa ini, ada sama harganya atau kurang. Inilah pandangan saya berkenaan dengan Bil ini dan saya menyokong untuk diluluskan.

3.07 ptg.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini. Setelah sekian lama kita mendengar kekokohan matawang Malaysia di mata dunia sekalipun kita menghadapi banyak tekanan-tekanan inflasi, stagflasi dan sebagainya, tetapi matawang Malaysia merupakan matawang yang terkokoh di antarabangsa, dan kita bermegah dengan matawang kita itu tetapi matawang kita ini selalu dikenal dengan "Malaysian dollar" di luar negeri atau "dollar Malaysia" di mana-mana pun juga di dunia ini. Maka dengan peralihan nama "Malaysian dollar" itu kepada "ringgit Malaysia" merupakan suatu pengenalan baru kepada wang dan matawang Malaysia berbanding dengan matawang-matawang yang menggunakan dollars seperti Malaysia sebelum Rang Undang-undang ini dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya matawang Malaysia yang bergelar "ringgit" ini telah lama kita kemukakan, kita perkenalkan kepada dunia memandangkan kepada beberapa buah negara-negara di dunia ini telah menggunakan istilah mereka sendiri, seperti di Indonesia mereka menggunakan Rupiah, di Jepun mereka menggunakan Yen, di Thailand mereka menggunakan Baht, di India mereka menggunakan Rupee, di Iraq mereka menggunakan Dinar, kalau saya tak salah, di Saudi-Arabia sendiri mereka menggunakan Rial, di Jerman mereka menggunakan Deutschemark, di France mereka menggunakan Franc, di United Kingdom sendiri mereka menggunakan Pound Sterling, di Filipina mereka menggunakan Peso, di Arab/Mesir mereka menggunakan Jeneh dan sebagainya. Maka tiap-tiap manusia yang berjalan ke negeri-negeri tersebut mereka dengan terpaksa mengenal matawang dalam negeri itu. Kalau kita pergi ke Iraq, ke Baghdad kita tidak kenal kepada ringgit, kita tidak kenal kepada rupiah atau rupee tetapi kita akan kenal kepada dinar dan mereka telah memperkenalkan matawang mereka itu ke seluruh dunia tentang matawang. Dengan cara demikian, dengan cara tidak langsung iaitu dengan menggunakan matawang yang distilahkan oleh negara-negara itu dapat juga memperkenalkan negara mereka ke luar negeri. Oleh kerana itulah saya katakan walaupun agak terlambat, tetapi tidak terlalu terlambat untuk menggunakan "ringgit" dan

"sen" bukan "cent", walaupun kalimatnya serupa tetapi tulisannya lain, akan digunakan bagi matawang Malaysia ini. Dengan ini saya rasa semua dokumen Kerajaan yang mengenai dengan matawang ini ataupun badan-badan swasta atau badan-badan yang berkanun akan menggunakan "Ringgit" dan tidak lagi akan menggunakan "dollar" manakala Rang Undang-undang ini diterima. Maka cek-cek yang dikeluarkan oleh bank-bank yang samada Bank Negara atau bank swasta tidak akan lagi menggunakan "dollar" tetapi akan menggunakan "Ringgit" Malaysia seperti yang dikemukakan oleh Rang Undang-undang ini. Hanya satu sahaja yang saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu tanda ringgit Malaysia itu apa tandanya? Kalau sekarang kita membuat tanda ringgit itu "S" kemudian sengkang dua ke bawah—\$—itu merupakan ringgit (dollar). Maka sekarang apakah tanda yang menyebutkan ini "ringgit Malaysia bukan Malaysian dollar" dan bukan "Singapore dollar" tetapi ringgit Malaysia. Samada masih kita gunakan S dan kita sengkang—\$—atau kita menggunakan "R" kemudian kita sengkang dua R—takut pula "R" itu orang kata rupiah, atau apakah tanda dia yang menunjukkan bahawa istilah ringgit itu dapat difahami dengan tanda yang menjadi lambang ringgit Malaysia itu. Itu saya tidak dapat tahu, saya minta supaya Yang Berhormat Menteri boleh memberi penjelasan perkara ini.

Yang kedua, saya suka menarik perhatian kepada Kementerian Kewangan supaya menengok kembali pengedaran matawang kita di Malaysia ini yang sekarang ini syiling selalu kita gunakan 5 sen, 10 sen, 20 sen, 50 sen dan jarang-jarang 1 ringgit dan jarang-jarang 5 ringgit serta barangkali langsung tidak ada 10 ringgit. Saya rasa untuk menjimatkan semua perkara kalau kita menggunakan note kertas yang selalu rosak atau yang selalu boleh padam atau ditiru oleh orang atau sebagainya, maka ada baiknya kalau Kerajaan kita beransur-ansur menggunakan syiling ini lebih banyak diperedarkan di dalam negara kita ini dengan menggunakan syiling 5 sen, 10 sen, 20 sen, 50 sen dan tambah dengan jumlah yang agak banyak 1 ringgit, 5 ringgit dan kalau boleh 10 ringgit supaya dengan demikian akan boleh mempermudah perbezaan di antara ringgit Malaysia ini dengan ringgit atau

Singapore dollars atau di lain-lain tempat. Saya tidak dapat mengagak berapakah jumlah perbelanjaan yang diperlukan untuk mencetak wang-wang syiling yang seperti itu. Selama hidup saya baru sekali saya menengok syiling Malaysia yang berharga 5 ringgit dan saya simpan dia dan saya jadikan dia azimat. Itu sahajalah yang saya nampak, mungkin agaknya Menteri Kewangan ada berlonggok-longgok di rumahnya tetapi saya tidak tahu siapa yang banyak menyimpan syiling 5 ringgit itu. Tetapi saya rasa kalau wang 5 ringgit syiling dibuat, penghargaan kita kepada wang itu pun akan lebih dan penghormatan dan kasih sayang kita pun akan lebih. Oleh itu, saya mencadangkan supaya kalau mungkin dapat Kementerian Kewangan ini menambah jumlah wang yang diedarkan ini dengan syiling daripada jumlah yang ada sekarang: 5 sen, 20 sen, 50 sen kepada 1 ringgit ditambah lagi 5 ringgit atau kalau mungkin 10 ringgit dapat diedarkan di tengah-tengah negara dan masyarakat kita.

Yang akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mencadangkan supaya note yang ada sekarang ini pun ditambah daripada 1 ringgit, 5 ringgit, 10 ringgit. Di Singapura ada 25 ringgit dan saya tidak tahu di Malaysia ini adakah atau tidak 25 ringgit. Kalau mungkin kita membuat note 25 ringgit saya rasa ini lebih menarik, kemudian dengan cara yang lebih senang juga agaknya bagi peniaga-peniaga menggunakan wang-wang note yang seperti itu dan bagi orang-orang kampung mungkin agaknya itu sebagai tempat simpanan sementara mereka, maka mereka boleh menggunakan syiling yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan ini saya memberikan sokongan saya kepada Rang Undang-undang ini.

3.16 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan kepada Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini. Di samping itu saya gemar menarik perhatian dalam dua tiga perkara untuk perhatian Menteri yang berkenaan.

Yang pertama sekali bahawa ini satu kejayaan kepada Kerajaan, kejayaan yang dapat mengembalikan sebutan matawang negeri ini yang dahulu disebut dollar kepada ringgit. Sebutan ringgit ini sebelum Ingeris

datang pun orang-orang di Gugusan Pulau-pulau Melayu ini telah menyatakan wangnya wang ringgit-wang ringgit tongkat. Jadi dengan hapusnya dollar ini satu lagi hapusnya sisa-sisa bau penjajah yang melekat di tanahair kita ini. Syabas kepada Menteri Kewangan, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

Yang kedua, wang kertas kita yang ada sekarang samada 10 ringgit, 20 ringgit, 30 ringgit saya fikir patut dikaji balik supaya sesuai, teguh, molek dan jangan sama dengan wang di Singapura. Dengan keadaan ini banyak boleh mengelirukan rakyat sebab kadangkala ada peniaga-peniaga yang tidak suka menerima wang Singapura. Tetapi dengan kita membezakan warna kertas wang Singapura dengan wang kita ini, barangkali akan mendatangkan kebaikan dan meninggikan maruah negara kita.

Di samping saya menyebut wang Singapura, saya ingin hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan bagaimana kedudukan wang Singapura yang diedarkan dalam negeri kita, adakah boleh diperluaskan? Tetapi malangnya Jabatan-jabatan Kerajaan hatta hendak bayar tol pun dengan wang Singapura tidak mahu terima. Kedudukan ini terutama sekali orang-orang di selatan Malaysia hendak tahu dan malahan pula kadangkala nilainya kurang; kalau wang Singapura ini 10 ringgit tidak boleh dinilai dengan harga 10 ringgit, kurang sampai 5 sen, kadangkala sampai 10 sen. Ini saja perkara yang saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Yang ketiga, apabila disebut sen tadi, saya harap Kementerian ini juga sayugia mengawasi, mengamati dan menjaga kilang mencetak wang kita supaya jangan disalahgunakan atau dikhianati oleh pekerja-pekerja kita. Kita khuatir wang syiling mudah boleh dibocorkan kalau kita tidak jaga dengan cermat. Bocornya wang ini daripada kilang adalah merugikan negara.

Selain daripada itu, dalam Bil ini telah mengenalkan satu sebutan matawang yang digunakan di Malaysia ini dan yang sedang digunakan sekarang iaitu, dalam Bil ini sebut "ringgit" dan "sen" tetapi dia tidak sebut "duit" sebab matawang di Malaysia ini satu sen empat duit dan empat duit ini masih digunakan oleh Pejabat Pos. Jadi, dengan

keadaan ini saya fikir satu sen empat duit dalam perkiraan kita di Malaysia ini satu sen empat duit. Duit itu tidak disebutkan. Kalau ada empat duit, dia ada satu sen dan dua duit setengah sen. Nilai matawang ini

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Saya tidak beri jalan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Jadi, saya fikir itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

3.20 ptg.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Bil ini, saya suka hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan oleh kerana perkara ini ialah mengenai matawang negara kita, bahawa berapa banyakkah reserve wang kita yang ada dalam sterling block pada masa ini? Kalau sekiranya masih banyak wang reserve ada dalam kumpulan sterling ini, adakah cadangan daripada Menteri Kewangan untuk menarik segala simpanan yang ada di dalam bloc itu supaya negeri kita boleh berdiri di atas kekuatan wang ringgit kita sendiri. Sebagai sebuah negara yang merdeka yang mempunyai kedudukan matawang yang baik, salah satu daripada negeri dalam dunia yang mempunyai kedudukan matawang yang terbaik, iaitu pada fahaman saya pada masa yang lalu Kerajaan British bergantung kepada kekuatan reserve kita dalam sterling block.

Pada masa dahulu kita mempunyai banyak reserve dalam sterling block. Kalau kita tarik balik reserve kita maka keadaan wang sterling itu akan jatuh jadi kita boleh dikatakan cukup berjaga-jaga kerana bimbang sahabat-sahabat negara kita mendapat kesusahan. Jadi kita tidaklah menarik wang reserve kita dan dengan kerana itulah wang sterling itu berada dalam keadaan yang baik. Tetapi ada kalanya kita mendapat kesusahan apabila wang sterling ini diturunkan maka kedudukan kita pun terjejas. Kalau sekiranya kita fikir wang reserve kita itu tidak lagi diperlukan kerana kita telah berada dalam keadaan yang lebih

baik, saya rasa perlulah kita menarik balik semua reserve yang ada dalam sterling block itu.

Mengenai hal wang ini juga, saya rasa perlu bagi Menteri Kewangan kita mengambil sedikit perhatian kepada perkara-perkara yang berlaku di antara Singapura dan Malaysia berkaitan dengan Syarikat Haw Par Brothers yang mana telah mengugutkan perbadanan Kerajaan Singapura yang boleh merosakkan kedudukan matawang kita di sini. Sebab Haw Par Brothers adalah satu syarikat yang terbesar yang mana sahamnya dibeli dengan banyak oleh PERNAS iaitu perbadanan negara kita yang besar yang telah mengambil alih satu jumlah yang besar daripada saham Haw Par Brothers yang mana tidak menyenangkan Kerajaan Singapura, dan menerusi perbadanan di Singapura telah menggugutkan kedudukan Haw Par Brothers itu sendiri dengan segala usaha yang telah dibuat, satu sekatan dan satu cara langkah yang sangat menyusahkan syarikat itu. Dan sebagai sebuah syarikat yang terbesar memiliki banyak harta-benda, kekayaan dalam negara kita ini, maka sudah sepatutlah Kerajaan Malaysia sendiri tidak patut membiarkan PERNAS menghadapi bersendirian dengan Kerajaan Singapura ataupun perbadanan di Singapura. Sudah sampailah masanya bagi Kerajaan kita mengambil langkah yang wajar untuk mengadakan rundingan muka ke muka dengan Kerajaan Singapura memecahkan tabir yang ada itu dan memperbetulkan segala apa silap faham yang ada supaya keadaan ekonomi negara kita tidak akan tertanggung—terjejas dengan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Singapura. Sungguhpun perkara ini tidak ada kena-mengena dengan penukaran nama matawang kita, tetapi ianya ada kena-mengena dengan keadaan kedudukan wang ringgit kita yang mana pada dasarnya menyentuh kedudukan matawang ataupun harga wang kita. Biasanya satu-satu perkara yang besar yang seumpama ini yang menyentuh kedudukan ekonomi negara kita, sepatutnyalah diambil tahu oleh Menteri yang berkenaan sendiri dan Kerajaan, di antara satu Kerajaan dengan satu Kerajaan, tidak patut kita biarkan kepada perbadanan yang ada di Malaysia ini berhadapan dengan sebuah perbadanan yang ada di Singapura, patutlah

Kerajaan sendiri mengambil langkah-langkah yang wajar untuk dipecahkan masalah ini yang seumpama ini.

3.28 *ptg.*

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di-Partua, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang sedang kita bahaskan berhubung dengan pertukaran nama dollar kepada ringgit dan cents kepada sen, cuma ejaan sennya sahaja yang berlainan.

Apa yang saya hendak nyatakan ini ialah tentang kesulitan yang timbul mengenai kewangan kita berhubung dengan peredaran wang syiling. Ini saya harap Menteri Kewangan dapat mengeluarkan syiling lebih banyak lagi supaya dapat dipergunakan oleh rakyat. Kerana pada awal dahulu kita tidak mahu menerima duit Singapura kerana nilainya rendah, tetapi hari ini dengan kekurangan syiling maka syiling Singapura telah mencurah-curah masuk ke negara kita. Kalau kita tukar seringggit, kita akan dapat 60 sen wang Singapura dan empat puluh sen wang Malaysia. Kalau kita tidak mahu, pekedai kata, tidak ada duit lain. Ini boleh laku. Esok Encik boleh datang beli di sini lagi. Saya rasa kita patutlah bersikap tegas, kalau benar-benar duit Singapura itu tidak boleh digunakan, kita kata tak usahlah diperedarkan lagi kepada orang ramai, takut nanti satu masa Kerajaan akan mengeluarkan perisytiharan pertukaran duit Singapura Rendah, rakyat sekali lagi akan rugi, dahulu sudah rugi sekali walaupun tidak banyak, tetapi siapa yang menyimpan banyak barangkali terjejas juga. Inilah perkaranya. Saya tak tahu samada syiling kita ini kena surukkan, atau lebih harganya itu saya tidaklah dapat kajian tetapi patutlah Kementerian Kewangan kita buat satu pengkajian. Sekiranya syiling kita ini kalau dikaji 10 sen Singapura dengan 10 sen Malaysia lebih nilai, lebih baiklah disamakan timbangan harganya supaya duit kita diambil pula oleh orang lain, kemudian dileburkan dan boleh dapat untung. Misalnya dia hendak pungut duit syiling 10 sen kemudian dia lebur begitu, maka dia boleh dapat 11 sen ataupun 12 sen. Ini barangkali satu daripada sebab-sebabnya yang boleh mendatangkan wang syiling kita ini hilang. Saya kadang-kadang selalu tengok di TV menunjukkan wang syiling kita keluar

mencurah-curah, tetapi bila pergi ke kedai dapat juga wang syiling Singapura. Jadi, perkara ini saya haraplah Menteri Kewangan ataupun Kerajaan kita bersifat tegas, kalau tidak mahu wang Singapura beritahu tidak mahu wang Singapura diedar di Malaysia; kalau boleh digunakan adakanlah tempatnya menukarnya. Kalau di negeri Arab, saya ada pergi ke sana, di tepi kaki lima boleh tukar wang. Rasa saya boleh kita keluarkan lesen pada orang ramai menukarkan wang ini dengan begitu senang, supaya di Malaysia ini wang kita sahaja yang digunakan, kita tidak mahu duit Kerajaan lain walaupun harganya sama. Adakan lesen supaya orang ramai boleh ambil lesen tukar duit. Siapa bawa duit Singapura pergi ke kedai boleh tukar di situ dan tidak payah pergi ke bank, kadang-kadang pergi ke bank kena tunggu pukul 10.00 pagi. Jadi, orang hendak pergi ke pasar pun payah juga. Inilah sahaja masalah yang saya hendak bangkitkan. Maka saya adalah menyokong Rang Undang-undang ini.

3.31 *ptg.*

Tuan Abdul Aziz bin Tapa: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong penuh Rang Undang-undang Matawang Malaysia (Ringgit), 1975, kerana kalau dipandang dari segi kebudayaan bahawa negara kita sudah melangkah selangkah demi selangkah untuk mencari keperibadian kita sendiri, kita sudah mencari nilai-nilai hidup kita sendiri di Malaysia dan tidak lagi kita mahu memakai nilai-nilai zaman penjajahan. Jadi, itulah sebabnya saya memuji-muji Kerajaan dan juga pihak Menteri Kewangan yang telah berani menukarkan "dollar" ini kepada "ringgit" dan "cent" kepada "sen."

Mengenai pendapat seorang Ahli Yang Berhormat tadi menyatakan hendak pecahkan lagi kepada duit, saya tidak bersetujulah, sebab duit ini orang zaman dulu kata 4 duit satu sen. Kalau satu duit tidak ada benda kita boleh beli sekarang. Satu sen pun tidak dapat beli apa-apa.

Selain daripada itu, ada Ahli Yang Berhormat yang lain hendak banyakkkan syiling \$5 dan \$10. Saya pun tidak berapa setuju, kerana bocor poket kalau kita bawa banyakk-banyakk duit syiling \$5 sampai \$10. Saya tidak berani hendak bawa daripada Melaka ke Kuala Lumpur (*Ketawa*), zaman dulu mereka boleh pikul duit. Saya ingat kata

orang-orang tua dahulu, duit satu-satu sen itu mereka gunakan topong belacan, kemudian dia pikul bawa ke mana-mana. Saya rasa tidaklah kena masanya lagi kita hendak banyakkkan duit syiling ini.

Selain daripada itu, saya ingin juga bercakap berkenaan dengan simbol ringgit itu. Jikalau kita tidak tukar "dollar" kepada "ringgit", simulnya kita tidak tukar, barangkali pengaruhnya kurang sedikit. Jadi kita carilah satu simbol yang baik untuk menukarkan simbol ringgit yang ada itu. Saya fikir tidak ada apa yang saya hendak cakapkan lagi, melainkan sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan menyokong Rang Undang-undang ini.

3.34 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bil ini. Perkara ini memanglah perkara lama, tidak payahlah kita beri tahniah, kerana kalau ditengok duit \$10 sudah lama ada tertulis \$10 kalau ada satu ringgit itu tertulis satu ringgitlah, cuma tidak dibuat undang-undang menukarnya sahaja.

Jadi, kita tukar "dollar" kepada "ringgit", tetapi apa cuma yang penting sekali ialah nilai ringgit itu. Kita tidak mahu dinamakan ringgit ertinya kosong, macam rupiah tidak ada gunanya, kita bawa sebakul boleh beli telur sebiju. Masa saya melawat negeri China semasa pemerintahan Chiang Kai-shek dulu, saya bawa duit sebakul, saya cuma boleh beli rokok sebatang. Jadi kalau begini juga keadaannya tidak berguna.

Kita telah mengatakan kepada dunia rakyat di seluruh Malaysia ini kaya-raya tetapi yang penting sekali duit ini jangan banyak keluar negeri. Di masa saya kecil-kecil dahulu, semasa bersekolah barangkali Tuan Yang di-Pertua pun masih kecil juga lagi, banyak duit ini lari ke negeri China, sebab masa itu masa penjajahan. Ketaatan manusia ini tidak ada ke negeri ini. Kalau misalnya orang China pada masa dahulu akan balik ke negeri China pada suatu hari yang akan datang. Begitu juga yang datang dari India, mereka tidak taat setia pada masa itu, mereka akan balik ke India, sebab mereka ini dibawa oleh Inggeris untuk bekerja dan tentu sekali hendak balik ke India untuk membeli tanah, rumah atau kebun-kebun di India. Tetapi apabila kita telah mencapai kemerdekaan, bila negeri

China telah diambil alih oleh kominis, maka ketaatan orang-orang China itu kepada negeri China sudah renggang dan hendak bawa duit ke kominis China akan diambil. Kepala mereka pun habis. Dengan sebab itu, tidak dapat bawa lagi duit ke negeri China, jadi menanam modal di negeri ini. Dengan adanya menanam modal di negeri ini, jadi dibuat perumahan-perumahan.

Kita nampak pada hari ini oleh kerana duit kita tidak dibawa keluar, maka Kuala Lumpur pada masa sebelum kemerdekaan dulu adalah satu bandar yang lengang sahaja, tetapi apabila kita telah mencapai kemerdekaan, maka Kuala Lumpur telah berubah. Hasil-hasil perlombongan, getah, kelapa sawit, kayu balak telah diekspot keluar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka sebutkan bahawa ada di antaranya bawa duit ini keluar negeri dengan bebas; bekas Menteri Kewangan kita dulu, Yang Berhormat Tun Tan Siew Sin berkata kita bebas boleh bawa wang Malaysia ke mana-mana. Beberapa kali ditanya, hal ini katanya, kalau tidak begitu orang tidak akan bawa duit ke negeri kita. Kalau begitu satu masa yang akan datang duit ini akan dibawa ke Singapura bagaimana? Itu sebabnya, pada hari ini Singapura menjadi money market (pasar wang) di dunia. Negeri kita akan kosong. Jikalau negeri kita kosong, maka semacam rumah yang elok, cantik, besar, tetapi perkakas-perkakas seperti meja, kerusi, lampu, lambang dan sebagainya habis, apabila negeri kita sudah menjadi papa, iaitu tidak lama lagi mungkin bijih timah akan habis di negeri kita ini, kalau tidak betul, tidak lama lagi mungkin kayu juga habis, jikalau ada minyak, mungkin minyak juga habis di negeri kita. Jadi, wangleh yang mustahak untuk kegunaan-kegunaan pembinaan faktori dan sebagainya untuk mengeluarkan barang-barang. Itulah yang akan kekal. Saya bukan mengkritik. Saya berharap kepada Kementerian Kewangan berhati-hati supaya wang Malaysia ini jangan keluar negeri dengan sewenang-wenangnya. Baik melalui di selatan iaitu ke Singapura dan di utara iaitu ke Thailand dan juga Indonesia.

Jadi, saya menyokong apa yang dikatakan oleh saudara saya tadi iaitu bagaimana Kerajaan Singapura pada hari ini memainkan peranannya berkenaan dengan saham-saham

Haw Par/PERNAS; saham-saham ini adalah wang. Berapa banyak wang kita telah keluar untuk mendapatkan saham Haw Par Brothers. Tetapi nampaknya Kerajaan Singapura mestilah berfikir lebih panjang lagi iaitu Malaysia dan Singapura adalah jiran yang sehabis dekat. Singapura dan Malaysia juga adalah negeri yang bersaudara dan mestilah berfikir panjang berkenaan dengan perkara ini. Singapura, Tuan Yang di-Pertua, cuba untuk menyekat-nyekat di atas perkara saham PERNAS HAW-PAR Brothers ini. Tujuan PERNAS untuk membeli saham ini bukanlah untuk individu atau perseorangan, tetapi membelinya atas nama PERNAS. PERNAS membeli ini dengan tujuan iaitu pada satu hari yang akan datang, di dalam tempoh 20 tahun yang akan datang, dengan adanya saham begini, samada bumiputra di Sabah, di Sarawak ataupun di Semenanjung Malaysia ini juga, kedudukan bumiputra iaitu iktisadnya sebanyak 30% itu akan dapat dicapai. Tetapi jikalau Kerajaan Singapura antikan bumiputra di atas perkara ini, itu adalah perkara lain, sebab tujuan membeli ini bukanlah tujuan untuk si A atau si B. Ini adalah dasar Kerajaan Malaysia untuk mengeseimbangkan kedudukan ekonomi di antara kaum di Malaysia ini. Dengan sebab itu saya harap, Kerajaan Singapura terpaksa menimbangakan seadil-adilnya, secara persaudaraan, secara jiran yang sangat dekat dengan Malaysia, oleh kerana ekonomi Malaysia dan Singapura tidak dapat kita pisah-pisahkan. Ini memandangkan Singapura terpaksa bergantung kepada Malaysia, Indonesia dan Singapura juga adalah satu daripada ikatan di dalam ASEAN, maka dengan sebab itu saya berharap sangat supaya Kerajaan Singapura menimbangakan di atas perkara ini dengan seadil-adilnya. Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuhnya.

3.43 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya akan bercakap sedikit sahaja berkenaan dengan Rang Undang-undang ini kerana saya menyokong sepenuhnya. Cuma saya hendak kemukakan satu perkara iaitu saya pinta Kerajaan menambahkan lagi atau memikirkkan untuk menambahkan lagi yunit-yunit wang lebih kecil daripada sen.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini yang lebih

pandai berkenaan dengan kewangan akan ketawa kepada Saranan saya ini, dengan alasan mungkin kerana kalau yunit itu kecil daripada sen maka apakah kita boleh buat dengan yunit yang begitu kecil. Saya menyokong jika alasan yunit kecil itu tidak boleh dibuat mengikut pandangan seseorang. Orang yang hendak membeli kuih misalnya dia tidak fikir lain kalau duit itu tidak boleh beli roti dan kuih, dia memikirkkan yunit itu sudah tidak berguna lagi, ataupun dia hendak membeli motokar yang harganya beribu-ribu ringgit tentulah yunit yang kecil itu pada dia tidak berguna lagi. Tetapi bagi saya bukan masalah hendak membeli roti dan hendak membeli motokar, ianya bersabit atau bersangkutan-paut dengan yunit itu sendiri. Di negeri-negeri lain seperti Peranchis, kalau tidak silap saya, di sana memakai Franc, itu amatlah kecil jika dibandingkan dengan wang-wang kita ini. Ini ialah kerana ia akan digunakan diketika pertukaran wang, misalnya wang kita dan wang Amerika tidak sahaja 2.3 atau 2.2 tetapi kadang-kadang itu 2.97456. Jadi terlalu kecil, iaitu lebih kecil lagi daripada yunit. Kalaulah kita fikir cara mengecilkan yunit itu tidak berguna, seolah-olah kita memikirkkan orang lain pun sampai begitu tidak dapat tahu bahawa kerja itu tidak berguna. Saya suka kalau yunit-yunit itu ditambahkan demi untuk foreign exchange bukan demi untuk membeli kebun kelapa sawit ataupun motokar dan juga apa-apa industri yang kita joint-venture dengan Jepun misalnya, tidak berbangkit, tetapi untuk kegunaan yang saya sebutkan tadi.

Yang kedua, satu perkara yang saya hairan walaupun saya menyokong penuh dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, yang mengatakan yang kita ini kalau pergi ke-tempat lain tidak ada pertukaran. Di Singapura pun boleh tukar, tetapi apabila saya hendak membeli satu barang disuruhnya saya tukar dahulu di bank dengan duit Singapura. Di Jakarta, di padang kapal terbang ada ditulis iaitu wang Singapura ada, wang Malaysia tidak ada. Jadi tidak hairanlah kalau Singapura mengenakan tindakan-tindakan di situ sebab Jakarta sendiri pun tidak ada, iaitu negara tetangga kita. Di Negeri Siam baik pula, Tuan Yang di-Pertua, kerana ada ditulis, sebab itu ramai orang suka ke Thailand daripada Jakarta. Ini bukanlah bermakna saya hendak menganggap sebuah negara itu bila di lapangan terbangnya tidak ditulis pertukaran wang Malaysia maka

hendak menuduh sesuatu yang tidak baik, tetapi dari segi persahabatan dan dari segi nama baik bersama, saya rasa tiap-tiap negara kita yang berjiran seperti Thailand, Singapura dan juga Indonesia patutlah pertukaran wang itu dicatitkan. Ini amatlah manis. Misalnya di padang kapalterbang Abdul Halim atau Werdana kalau tidak silap saya, dia tidak terima wang kita. Jadi di mana saya hendak mengambil wang Indonesia, hendak pergi tukar pula, kalau ada bank baru boleh, itupun ada time tutup dan bukanya. Selama 2 jam perjalanan dari negara kita, wang kita tidak mahu diterima. Saya rasa ini satu perkara yang saya tidak tahu apakah Kementerian Luar Negeri atau Jabatan Perdana Menteri buat tentang menasihatkan pegawai-pegawai diplomat kita di negeri-negeri itu supaya melihatnya, bukan sahaja duduk dengan bermacam-macam immunity. Saya kemukakan tentang matawang ini hasil daripada pengalaman perjalanan saya ke luar negeri.

3.48 *ptg.*

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Rang Undang-undang ini dan memberi pandangan-pandangan yang membina di atas beberapa perkara.

Perkara yang pertama yang patut dijelaskan telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Ibrahim bin Haji Yaacob yang telah meminta samada wang Malaysia sama tarafnya dengan wang Singapura. Jikalau kita bandingkan kadar exchange; elok saya memberitahu Dewan ini bahawa matawang kita dan matawang Singapura adalah matawang yang berlainan dan kita tidak ada satu sistem di mana kita boleh bandingkan exchange Malaysia dengan exchange Singapura, melainkan kita bandingkan penilaian itu dengan duit atau wang kertas Amerika Syarikat. Oleh kerana perkara ini ada sedikit teknikal, saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh izinkan saya menerangkan dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, I think it is important to remember that our Ringgit is based on its value as defined and as notified to the International Monetary Fund. In a similar way, the Singapore Dollar has its own value based on the value that it has notified to the International Monetary Fund.

Sir, we now have a rate of exchange that is independent from that of Singapore. But where the comparison comes in is when our rate is compared to the rate of the U.S. Dollar, which is our intervention currency, and the rate is compared also when Singapore also uses the U.S. Dollar as the intervention rate. So there is a "cross rate". We compare ourselves with the U.S. Dollar rate and Singapore compares itself also with the U.S. Dollar rate and because of the floating of currencies now and because currency is like any other commodity in the international market—it has its demand and supply problems—the rate will vary as between ours and the U.S. Dollar and as between the Singapore Dollar and the U.S. Dollar. So when you get that sort of a triangular situation, there will come a time when the Singapore Dollar may be higher than ours in terms of the U.S. Dollar or there may be more times when our Ringgit will be higher than the Singapore Dollar in terms of the U.S. Dollar, also remembering that the U.S. Dollar fluctuates up and down. I would, therefore, not think it to be very significant that occasionally our Ringgit rate may be seen to be lower than that of Singapore in comparison to the U.S. Dollar or that the Singapore rate is higher than ours in comparison to the U.S. Dollar. This will happen because we are freely trading countries and there is, of course, the law of supply and demand in currencies as well as in goods and supplies.

In the long term, there is no doubting the fact that given our resources our Ringgit should remain strong and be amongst the strongest currencies in the world. But there are, of course, dangers in becoming too strong. If we are too strong in relation to the U.S. Dollar, for instance, we will gain less for our imports in terms of the U.S. Dollar and we may be able to buy goods cheaper in terms of the U.S. Dollar but that might encourage imports that are not necessary. So I would ask that we view this question of the fluctuation of our Ringgit rate against the Singapore Dollar not as a matter of emotion, not as a matter of national sentiment, but as a matter of cold economics, and once we get away from the atmosphere of emotion, then we will see where our true interests lie and what rate our Ringgit should be in relation to the international currencies of the world because we are a

trading partner of all the countries of the world that trade with us, not only Singapore.

There has been, of course, a tendency in the past to think that our rate should always be higher than that of Singapore and that our Ringgit should command a premium on the market. But we should look at it, as I have said, coldly and dispassionately; we do not get excited, for instance, when our rate varies as against the Baht or against the Rupiah. Why do we then get so excited when our rate varies slightly as between Singapore and ourselves? They are completely different currencies, completely different economies and I think there should be no fear that if our rate is lower than that of Singapore, therefore we are in a bad way. I do not think so. We are floating one against the other, and floating just means that the value of your currency goes up and down in relation to the other currency as your weaknesses and strengths develop. The U.S. Dollar rate, for instance, as most of you know, has gone up and down in the last ten days or so and the Sterling that had gone down has gone up again. So our currency will be subject to the same pressures as any other currency, and so with the Singapore currency. So I think that perhaps we should get away from the atmosphere of thinking in terms only of the Singapore Dollar but see ourselves as a commercial commodity producing nation in the world community and measure our strengths and our weaknesses against all the other currencies of the world. I think that will be a fairer approach to take.

Tuan Yang di-Pertua, I am sorry that I had to speak in English but I did not want to express myself so badly as to be misunderstood.

Berkaitan dengan perkataan "Ringgit" dan lambangnya "\$", di sini ada beberapa Ahli Yang Berhormat bertanya adakah cadangan untuk menukar tanda "\$" di sini kepada satu lambang yang barangkali baru. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, tanda "\$" ini bermakna ringgit walaupun pada kebiasaannya tanda "\$" ini ialah dollar, tetapi tanda "\$" di sini bermakna ringgit. Tetapi cadangan supaya kita mengkaji kemungkinan sama ada patut kita menukarkan lambang itu atau tidak, saya akan sampaikan kepada Kerajaan dan Bank Negara Malaysia supaya kita mengkaji. Tetapi seperti mana Yang

Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik di dalam memberi penjelasannya, tanda "\$" sudah dicatatkan di dalam wang kertas kita.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Othman bin Abdullah ada juga mencadangkan supaya kita menambahkan lagi duit syiling kita kepada 50 sen, seringgit dan sepuluh ringgit. Memang kita sudah mengeluarkan duit syiling seringgit tetapi malangnya apabila kita keluarkan duit syiling seringgit semuanya menyorokkan duit syiling itu, tidak nampak lagi, di mana orang-orang menyimpan kita tidak dapat pastikan. Barangkali ini menunjukkan bahawa duit syiling itu ada nilai dan ada orang yang suka hendak menyimpan duit itu. Tetapi ada juga orang yang mengatakan duit syiling yang besar itu susah hendak simpan dalam poket, seperti mana Yang Berhormat Senator Abdul Aziz bin Tapa ada berkata, ada juga orang-orang yang berpengalaman apabila pergi ke Eropah nampak duit syiling yang besar ini hendak masuk poket pun susah hendak dikeluarkan. Tetapi ada satu cadangan mengatakan barangkali elok kita menukarkan size duit syiling kita oleh kerana nampaknya size itu sama bentuknya dengan size duit syiling Singapura dan mungkin boleh dapat mengelirukan apabila dapat duit syiling Singapura dengan duit syiling Malaysia, tidak dapat dibezakan dari segi size dan bentuknya dan cadangan ini pun kita akan timbangkan, samada patut kita tukar ataupun tidak. Saya akan meneliti dan berhubung dengan Bank Negara Malaysia.

Kedudukan wang Singapura. Masaalah ini adalah berkaitan oleh kerana nampaknya masih ada wang kertas Singapura dan duit syiling Singapura di sempadan khasnya di Johor Bahru oleh kerana apabila orang datang daripada Singapura membeli-belah di Johor Bahru, mereka menukar wang dan duit syiling Singapura sahaja. Seperti mana yang saya telah terangkan tadi, eloklah orang Malaysia dan pekedai-pekedai Malaysia menganggapkan wang Singapura sebagai wang asing. Jika sekiranya mereka tidak hendak menerima wang rupiah ataupun baht di sini, apa sebabnya mereka sanggup menerima wang Singapura. Kita telah selalu dan sentiasa menasihatkan kepada mereka supaya apabila sahaja mendapat wang Singapura, silalah tukarkan wang itu dalam bank-bank yang berkenaan ataupun kepada money changers yang berlesen. Tetapi apa boleh

buat pekedai-pekedai itu juga dia hendak berniaga dan dia menerima wang itu sahaja dan oleh kerana itu wang Singapura masih ada di Johor Bahru khususnya. Samada patut kita hendak mengharamkan pengedaran duit syiling itu, saya akan kaji, tetapi dari segi undang-undang, dari segi Bank Negara, dari segi Kerajaan dan dari segi bank-bank ada satu matlamat sahaja yang berlaku legal tender di sini iaitu Malaysian Currency—Matawang Malaysia yang dibenarkan dalam negeri ini.

Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid:

Minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut bagaimana penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi, wang-wang yang laku di dalam negara kita ini hanyalah satu matawang sahaja iaitu ringgit Malaysia. Sebagai yang telah dijelaskan tadi, orang-orang yang hendak menjalankan perniagaan perusahaan dan sebagainya suka menerima matawang Singapura, terpulanglah kepada ahli-ahli peniaga itu. Betapa halnya kalau rakyat Malaysia membeli barang di tempat dan di kedai itu, pertukaran matawang hendak dikembalikan dibagi dengan matawang Singapura bahawa rakyat Malaysia tidak mahu menerima. Bagaimanakah kedudukan pekedai-pekedai itu dengan rakyat yang tidak mahu menerima wang pertukaran daripada Singapura itu?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, ini satu masalah yang boleh dikatakan masalah Kerajaan dan juga boleh dikatakan masalah persendirian di antara pekedai-pekedai itu dan di antara orang yang membeli barang atau menerima pertukaran dari pekedai itu. Jika kedua pihak mengatakan: baiklah kita tidak hendak simpan wang ini (wang Singapura) dan katakan kepada pelayan-pelayan daripada Singapura. Ini wang Singapura, saya tidak mahu menerima, baik ditukar dahulu, boleh juga dibuat. Tetapi jikalau kita hendak haramkan dan hendak memeriksa semua orang yang datang dari Singapura supaya mereka tidak ada wang Singapura dalam poketnya, ini susah sedikit. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum bila Ahli Yang Berhormat melawat, misalnya, ke Thailand mesti ada dalam poketnya \$10 atau \$20 matawang Malaysia juga dan jikalau

budak hotel datang beri \$1 wang Malaysia diterima juga. Jikalau hendak diharamkan semuanya itu, saya ingat sukar.

Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid:

Saya minta penjelasan lagi, Tuan Yang di-Pertua. Bukan maksud saya masa kita membeli barang daripada kedai itu kita memberi wang Singapura. Yang saya maksudkan di sini di waktu rakyat Malaysia pergi ke kedai dalam Malaysia umpamanya, di Johor Bahru membeli barang berharga \$6.50 diberi balik \$3.50 yang wang kembali itulah yang biasanya diberikan dengan sebahagian besar wang ringgit Singapura. Sebagaimana yang telah diterangkan oleh saudara saya Tuan Haji Othman bin Abdullah tadi kalau tidak mahu pertukaran matawang dalam wang ringgit Singapura, maka pertukaran wang ini tidak ada. Bagaimana kedudukannya?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu saya ingat soal persendirian juga oleh kerana jika sekiranya saya pergi ke sebuah kedai di Johor Bahru dan pekedai itu memberi wang Singapura kepada saya, itu hak saya dan boleh katakan ini bukan matawang Malaysia saya tidak mahu menerima, itu haknya oleh kerana dari segi undang-undang seperti yang telah saya katakan tadi hanya matawang Malaysia yang boleh dikatakan legal tender di dalam Malaysia dan tidak sesiapa pun boleh memaksa rakyat Malaysia menerima matawang yang dikeluarkan oleh negeri-negeri yang lain. Ini hak. Samada dia hendak menggunakan hak itu ataupun tidak, itu soal persendirian. Dan saya fikir tidak ada seorang pekedai pun yang boleh mengatakan dia tidak ada wang Malaysia untuk memberi balik kepada pembeli itu sebagai pertukaran. Ini hak rakyat Malaysia menggunakan matawang sendiri. Jika mereka tidak hendak menggunakan hak itu, ini soal persendirian juga. Tetapi jikalau kita ada semangat sebagai hendak menunjuk imej kita, kita boleh menolak sahaja. Ini wang Singapura, saya tidak mahu dan boleh juga dikatakan ini wang Indonesia, wang England, wang Amerika Syarikat, saya tidak mahu. Ini dalam undang-undang.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad juga meminta samada negeri kita mengadakan sterling reserves dalam sterling block. Sebenarnya, Malaysia telahpun menarik diri dari sterling block sudah lama dahulu. Beberapa tahun dahulu kita

telah pun memberitahu kepada Kerajaan British menyatakan kita telah menarik diri dari sterling bloc dan reserves kita sekarang ini ialah di dalam berbagai-bagai jenis matawang antarabangsa di dalam S.D.R. yang dikeluarkan oleh I.M.F. dan juga dalam bentuk emas dan jika sekiranya kita menyimpan sterling itupun mencukupi untuk perdagangan dan perniagaan di antara Malaysia dan United Kingdom sahaja. Saya harap Ahli Yang Berhormat Senator itu tidak bimbang atas kemerosotan harga penilaian sterling pada masa ini.

Ada juga beberapa cadangan samada kita patut fikirkan sen kepada duit ataupun tidak, saya ingat ini satu perkara yang akademik sahaja dan tidak peraktik dan Kerajaan tidak ada cadangan pada masa ini supaya hendak mengecilkan duit sen itu kepada empat duit. Oleh kerana itu tidaklah payah disebutkan perkataan duit dalam Rang Undang-undang ini.

Ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan soal PERNAS—Haw Par Brothers dalam perbahasan ini, di mana saya dapat tahu pihak PERNAS dan pihak Haw Par Brothers sudahpun mengadakan perundingan, bukan sahaja dengan pihak Kerajaan Singapura bahkan dengan Securities Commission di Singapura. Cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat itu saya akan sampaikan kepada pihak yang berkenaan samada elok ataupun tidak setakat ini Kerajaan Malaysia campur-tangan dalam hal ini, tetapi oleh kerana pandangan Senator-senator tersebut ialah untuk kepentingan negara kita, saya akan menyampaikan pandangan itu kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Senator Raja Datuk Nong Chik juga adalah bimbang sedikit nampaknya oleh kerana barangkali boleh jadi matawang Malaysia boleh keluar dari Malaysia, misalnya, ke Singapura ataupun ke negeri-negeri yang lain. Seperti mana Dewan ini maklum beberapa tahun dahulu Bank Negara sudahpun mengadakan beberapa peraturan berkaitan dengan foreign exchange, tetapi bukanlah kita mengadakan sekatan atas foreign exchange, tetapi perlulah mendapat kebenaran daripada Bank Negara sebelum sesuatu pihak hendak menghantar wang asing ke negeri yang lain. Dengan ini ada peraturan yang tertentu yang saya fikir elok

setakat ini kita biarkan dahulu dan tidak mengadakan satu sekatan atas foreign exchange.

Nampaknya, Tuan Yang di-Pertua, saya telah memberi jawapan kepada soalan-soalan tertentu sahaja yang telah dibangkitkan, di atas lain-lain cadangan, saya telah mengambil perhatian di sini dan akan menyampai-kannya kepada pihak-pihak yang berkenaan jika mustahak. Jika sekiranya soal-soal itu adalah melibatkan Menteri Kewangan dan Bank Negara, saya akan berunding dengan pihak Bank Negara Malaysia tentang perkara tersebut.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA TEMBAKAU NEGARA (PERBADANAN) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.06 ptg.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membentangkan Rang Undang-undang Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) (Pindaan), 1975 untuk bacaan kali yang kedua dan diluluskan oleh Dewan ini bagi meminda Akta Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) 1973. Pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah berkaitan dengan keahlian Lembaga, penghapusan Majlis Penasihat dan pembayaran elaun-elaun mesyuarat kepada ahli-ahli giliran Lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Tembakau Negara telah ditubuhkan dalam bulan Ogos, 1973 untuk mengawasi amalan-amalan berkaitan dengan pengeluaran, pengawitan dan penjualan tembakau dan untuk menjamin perkembangan yang teratur dalam perusahan tembakau. Kawalan atas perusahaan ini adalah perlu kerana ia menanggung tidak kurang dari 200,000 orang dari segi pekerjaan dan pendapatan, dan luas kawasan yang di tanam dengan tembakau sedang lagi bertambah. Walaupun penanaman tembakau ini bermula semenjak awal tahun 1960 di Kelantan, hanya pada tahun 1972 sahaja kawasan yang ditanam dengan tembakau bertambah dengan pesatnya, hinggalah kawasan-kawasannya telah meluas ke negeri-negeri lain seperti Trengganu, Kedah, Perlis, Pahang, Negri Sembilan, Melaka dan juga Johor. Pada tahun ini kira-kira 30,000 ekar di Semenanjung Malaysia telah ditanam dengan tembakau. Ini adalah tambahan sebanyak 10,000 ekar atau 30% daripada tahun 1973 ketika Lembaga Tembakau Negara mula-mula ditubuhkan.

Semenjak Lembaga Tembakau Negara ditubuhkan, segala aspek perusahaan tembakau yang saya sebutkan itu telah dapat dikawal dengan memuaskan. Akan tetapi beberapa aspek dalam Akta tersebut didapati tidak begitu memuaskan. Pindaan-pindaan utama yang dicadangkan di dalam Akta Lembaga Tembakau Negara (Pindaan) 1973 adalah seperti berikut:

Pertama: Pindaan kepada Seksyen 4 (1) dalam Akta dibuat supaya perwakilan bagi kedua-dua pihak pengilang-pengilang rokok dan pengawit-pengawit ditambah dari seorang kepada 2 orang wakil dan untuk menyerapkan wakil Lembaga Pertubuhan Peladang ke dalam perwakilan tetap dan juga untuk menjadikan Pengarah Lembaga sebagai ahli dalam Lembaga Tembakau Negara;

Kedua: Seksyen 5 (1) dalam Akta dipinda supaya ahli-ahli giliran boleh dilantik bagi kedua-dua pihak Kerajaan dan pihak swasta dan untuk membolehkan elau-eluan mesyuarat dibayar kepada ahli-ahli giliran yang menghadiri mesyuarat mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Lembaga;

Ketiga: Seksyen 12 dalam Akta dipinda dengan tujuan menghapuskan Majlis Penasihat.

Pada masa sekarang ini keahlian Lembaga Tembakau Negara yang dilantik di bawah Seksyen 4 (1) adalah terdiri daripada 5 orang wakil bagi Jabatan-jabatan Kerajaan dan 3 orang dari pihak swasta yang mewakili kepentingan pengilang-pengilang rokok, pengawit-pengawit dan penanam-penanam. Pengilang-pengilang rokok yang berjumlah 6 buah Syarikat kesemuanya pada masa ini diwakili oleh seorang wakil sahaja. Adalah didapati bahawa kepentingan semua Syarikat-syarikat Rokok itu tidak dapat dijaga oleh seorang wakil sahaja kerana Syarikat-syarikat Rokok mempunyai polisi-polisi perniagaan yang berlainan dan oleh itu pembelian tembakau dari segi kuantiti dan mutu adalah berlainan. Oleh hal yang demikian, adalah perlu bahawa perwakilan bagi pengilang-pengilang rokok ditambahkan dan saya mencadangkan supaya Seksyen 4 dipinda untuk membolehkan perwakilan tetap bagi pengilang-pengilang rokok di dalam Lembaga ditambah kepada 2 orang wakil. Berikutan dengan pindaan tersebut, perwakilan tetap bagi pengawit-pengawit juga hendaklah ditambahkan kepada 2 orang wakil supaya seimbang dengan bilangan wakil pengilang-pengilang rokok. Pada masa sekarang Lembaga Pertubuhan Peladang adalah diwakili dalam Lembaga di bawah Seksyen 4 (2) yang bermakna bahawa perwakilan tersebut adalah perwakilan yang tidak tetap. Adalah didapati juga bahawa peranan Lembaga Pertubuhan Peladang dalam perusahaan tembakau kian hari kian bertambah penting terutamanya dalam menggalakkan penyertaan persatuan-persatuan peladang di dalam pengurusan, pengeluaran dan pemasaran tembakau. Oleh yang demikian, adalah difikirkan penting bahawa Lembaga Pertubuhan Peladang patut diserapkan di dalam Perwakilan Tetap Lembaga. Dengan yang demikian wakil penanam juga menjadi 2 orang. Adalah dicadangkan juga bahawa Pengarah Lembaga dijadikan Ahli Lembaga supaya beliau dapat menyertai di dalam mesyuarat dan keputusan-keputusan Lembaga.

Pindaan kepada Seksyen 5 (1) bertujuan supaya ahli-ahli giliran juga boleh dilantik bagi wakil-wakil dalam pihak swasta. Mengikut Seksyen 5 (1) Akta Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) 1973, Menteri hanya mempunyai kuasa melantik ahli-ahli giliran bagi wakil-wakil Jabatan Kerajaan sahaja

tetapi perlantikan yang sama tidak boleh dibuat untuk wakil-wakil bagi pengilang-pengilang rokok, pengawit-pengawit dan penanam-penanam. Ketiga-tiga pihak ini telah merayu supaya wakil giliran dilantik bagi wakil-wakil dari pihak swasta supaya peraturan boleh dibuat untuk mendapatkan kehadiran wakil-wakil giliran sekiranya ahli sebenar tidak dapat hadir. Oleh itu Seksyen 5 (1) dipinda untuk membolehkan ahli-ahli giliran dilantik bagi semua wakil. Pindaan itu akan juga membenarkan elaun-elaun mesyuarat dibayar kepada ahli-ahli giliran yang menghadiri mesyuarat mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Lembaga.

Pindaan terakhir ialah untuk menghapuskan Majlis Penasihat Tembakau. Mengikut Seksyen 12 Akta, suatu Majlis Penasihat yang kewajibannya ialah untuk menasihatkan Menteri mengenai perusahaan tembakau telah ditubuhkan. Saya mencadangkan supaya Seksyen 12 tersebut dimansuhkan. Pengalaman telah menunjukkan bahawa Majlis Penasihat adalah "redundant" dan kesemua masalah-masalah yang dihadapi oleh Lembaga telah dapat diselesaikan di peringkat Lembaga dan Menteri. Tambahan pula perwakilan Lembaga adalah lebih kurang sama dengan perwakilan di dalam Majlis Penasihat melainkan bagi wakil FAMA dan Kerajaan-kerajaan Negeri. Di dalam pentadbirannya sehari-hari Lembaga telah sentiasa menghubungi kedua-dua pihak tersebut dan nasihat yang telah diperolehi dengan cara-cara ini didapati amat memuaskan.

Pindaan-pindaan yang lain dalam Rang Undang-undang adalah pindaan-pindaan berbangkit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat dtempohkan selama 15 minit.

Persidangan dtempohkan pada pukul 4.30 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.50 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Perbahasan disambung semula

4.51 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bil ini untuk diluluskan.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kerana dapat lagi meminda Akta Lembaga Tembakau Negara. Apa yang saya musykilkan pada masa ini kita tahu ada dua buah syarikat menjual rokok yang terbesar di negara kita ini iaitu Malayan Tobacco Company (MTC) di Jalan Sungei Besi dan Rothmans, di Petaling Jaya. Tetapi kalau ada orang-orang bumiputra hendak menjadi agen kepada kedua-dua syarikat ini sangat susah hendak mendapatnya. Maka, saya merayu kepada Kementerian Perdagangan dan Perusahaan supaya berunding dengan kedua-dua syarikat ini dan minta padanya sesiapa sahaja orang-orang bumiputra yang hendak menjadi agen janganlah banyak disoal, tetapi terus beri. Kita mahu apa sahaja jenis peniagaan hendaklah disertai oleh orang-orang bumiputra. Saya tahu banyak orang-orang bumiputra mengadu kepada saya mengatakan hendak menjadi agen kepada dua buah syarikat itu sangat susah hendak dapat, bermacam-macam soal yang bukan-bukan, seolah-olah orang bumiputra ini menumpang di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu sahaja yang saya tidak bersetuju dalam Bil ini ialah berkenaan Fasal 3 (d) (h) di muka 2. Mengapakah seorang sahaja mewakili kepentingan penanam-penanam tembakau. Di sini nampak benar Kerajaan hendak memperkecil-kecilkan kepentingan penanam-penanam tembakau. Saya merayu kepada Kerajaan ditambah lagi satu menjadikan dua orang, jadi dua orang mewakili pengilang-pengilang, dua orang mewakili pengawit-pengawit dan dua orang mewakili penanam-penanam. Barulah adil.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya juga merayu kepada Kerajaan supaya orang-orang yang menanam tembakau ini diberi peluang melawat kebun-kebun tembakau yang ada di luar negeri. Dengan adanya lawatan mereka ke luar negeri dapat mereka membeza-bezakan bagaimanakah

cara-cara menanam tembakau di Malaysia dan negara-negara yang dilawati oleh mereka itu. Mudah-mudahan dengan lawatan mereka itu akan menambahkan dan memajukan lagi mutu tembakau di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, inilah pandangan saya pada Bil ini dan saya menyokong untuk diluluskan.

4.55 *ptg.*

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sekejap tadi.

Memang kita sama-sama mengetahui perusahaan tembakau pada hari ini adalah menjadi salah satu sumber kewangan yang besar kepada rakyat-rakyat di luar-luar bandar. Kalau pada masa dulu kami di Pantai Timur hanya mengetahui penanaman tembakau ini banyak terdapat di negeri Kelantan sahaja. Di Trengganu sendiri pernah juga dicuba pada masa itu untuk mendapatkan syarikat-syarikat pembuat rokok memberi galakan supaya kita menanam di Trengganu dengan memberi kesanggupan untuk membelinya daripada penanam-penanam di Trengganu ini. Tetapi jawapan yang kita terima pada masa itu mengatakan tidak boleh, katanya, tanah tidak sesuai. Ini benar-benar telah berlaku pada masa itu, 4-5 tahun yang lampau. Tetapi pada hari ini, alhamdulillah, dengan berkat usaha yang bersungguh-sungguh daripada pemimpin-pemimpin kita, berunding, bertukar-tukar pendapat dan dengan berbagai-bagai lagi perbincangan, akhirnya pihak syarikat-syarikat pembuat rokok di Malaysia ini bersetuju memberikan kesanggupan membeli tembakau yang ditanam oleh petani-petani di Trengganu seperti yang saya katakan tadi.

Pada mulanya tahun yang pertama sedikit sahaja mereka yang cuba menanam, kerana sepertimana yang biasa barang-barang yang baharu sukar mendapat kepercayaan daripada rakyat sendiri. Tetapi setelah dicuba dan hasilnya telah dilihat oleh mereka ini, maka berlumba-lumbalah petani-petani itu menanam tembakau di tanah-tanah kosong mereka yang selama ini dibiarkan begitu sahaja, kerana mereka sendiri dapat hasil daripada tanaman tembakau ini, dalam masa penat-jerih selama tidak lebih daripada

4 bulan dapat mereka itu menampung perbelanjaan anak-anak mereka sehari-hari. Maka dengan adanya keadaan inilah saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan, terutama sekali saya menyokong supaya pengawasan berhubung dengan pentadbiran dari segala segi daripada mulanya kepada peraturan-peraturan menanam, peraturan-peraturan membeli dan menjual hendaklah dikawal dengan rapi supaya penanam-penanam di luar-luar bandar ini tidak diperas oleh orang-tengah ataupun tegasnya dinamakan di sini pengawit agaknya, tetapi orang Trengganu panggil tuan punya "Gok" (kiln). Kerana saya katakan begitu dalam tahun-tahun yang pertama dan yang kedua penanaman dimulakan di Trengganu ada sungutan-sungutan ini sentiasa diadukan oleh penanam iaitu mereka tidak mendapat harga yang adil daripada pembeli-pembeli daun tembakau atau pengawit-pengawit itu. Walaupun harganya telah ditetapkan yang grade 1 sekian, grade 2 sekian, begitu juga dengan grade 3 dan 4, tetapi ada setengah-setengah bukan semua, pembeli-pembeli ini ataupun pengawit-pengawit ini mengelirukan grade 1 dikatakan grade 3, grade 2 dikatakan grade 4. Beginilah yang berlaku. Jadi, jarang benar penanam-penanam ini mendapat hasil tanamannya yang diletak grade 1 iaitu harga yang paling tinggi sekali. Saya rasa patut benar diperketatkan lagi pengawasan ini supaya penanam-penanam yang mencurahkan titik-peluhnya mendapat hasil yang berpatutan dan dengan adil.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Pertubuhan Peladang. Saya tidak tahu cara perjalanan Pertubuhan-pertubuhan Peladang dalam masaalah penanaman tembakau ini di tempat lain, tetapi di Trengganu sendiri ada berlaku baharu-baharu ini, Pertubuhan-pertubuhan peladang ini telah menjadi sebagai satu competitor yang hebat kepada pengawit-pengawit tempatan. Iaitu walaupun di situ ada pengawit daripada syarikat bumiputra yang secara kecil-kecilan, maka mereka pergi juga ke tempat yang sama, dengan menubuhkan gok-gok mereka sendiri, mereka berlawan-lawanlah membeli daun-daun tembakau. Dengan kerana ini kadangkala syarikat bumiputra ini tidak dapat hendak memenuhi quotanya, kalau dia dapat katakanlah 40,000 paun ataupun 50,000 paun tetapi oleh kerana penanam tadi tidak

begitu mencukupi kerana berebut-rebut pembelian itu, separuh dibeli oleh pengawit tempatan dan separuh oleh pihak Pertubuhan Peladang, maka dengan sendirinya pengawit bumiputra ini menghadapi kerugian, kerana tidak penuh quota mereka dan dengan sendirinya bererti belanja besar, tetapi hasilnya kurang. Ini telah berlaku di Trengganu, jadi saya rasa tentulah pihak Kerajaan tidak berkehendakkan berlaku demikian. Penubuhan Pertubuhan-pertubuhan Peladang ialah bertujuan untuk membela nasib peladang dan petani-petani. Saya rasa peranan yang sepatutnya dimainkan oleh Pertubuhan-pertubuhan Peladang ini bukanlah pergi berlawan dengan syarikat-syarikat bumiputra tadi, tetapi mereka patutlah menjadi sebagai badan penasihat, untuk menasihatkan petani-petani ini terutama sekali ahli-ahli mereka supaya menjadi penanam tembakau yang baik ataupun ahli-ahli ini menubuhkan sama-sama sendiri satu syarikat, sebagai pengawit-pengawit dengan nasihat-nasihat daripada mereka sendiri supaya bumiputra ini dapat kemajuan. Bukannya sebagai pertubuhan itu menubuhkan kilang-kilangnya sendiri berlawan dengan pengilang-pengilang bumiputra. Walaupun dikatakan Pertubuhan Peladang ini ahlinya semua daripada petani-petani tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, bila dikatakan satu pertubuhan, ahli-ahlinya walaupun peladang, tetapi hasil directnya bukanlah mereka itu yang dapat 100%, hanya sambil-sambilan atau tepi-tepinya sahaja yang akan dapat kepada ahli-ahli ini. Pertubuhan ini bukanlah untuk orang perseorangan tetapi ialah untuk ramai. Jadi saya rasa ada lebih baik kalau pertubuhan ini menasihatkan ahlinya sendiri berusaha samada menjadi penanam ataupun menjadi pengawit dengan diberi nasihat-nasihat, barulah hasil ataupun ekonomi mereka akan lebih terjamin daripada dibuat oleh pertubuhan-pertubuhan peladang sendiri yang menjadi berlawanan dengan kehendak-kehendak peladang tempatan itu sendiri.

Berhubung dengan perkara wakil tadi, saya juga menyokong pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat Senator Haji Ibrahim bin Haji Yaacob iaitu seorang wakil penanam di sini dan seorang wakil daripada Pertubuhan Peladang yang disifatkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi Pertubuhan Peladang ini seolah-olah mewakili penanam, dengan ini menjadikan dua penanam. Saya

tidak berapa begitu bersetuju dengan pendapat yang disebutkan tadi yakni wakil Pertubuhan Peladang sebagai wakil penanam, sebab wakil peladang ini biasanya bila disebut wakil, tetap maknanya daripada pegawai Kerajaan. Ini adalah disebabkan Pengerusi-pengerusi pertubuhan ini kebanyakannya ialah daripada kakitangan Jabatan Pertanian. Jadi bila wakil daripada Kerajaan duduk di dalam itu dengan wakil yang betul-betul daripada petani, ini adalah jauh berbedza pendapat mereka, kerana pandangan wakil dari pegawai Kerajaan tidak sama dengan pandangan seorang petani tulin. Petani tulin, dia sendiri tahu pahit-maung menjadi petani, dia yang menyinging seluar masuk ke baruh-baruh dan sebagainya dan mengetahui pahit-maung hidup. Tetapi pegawai Kerajaan tentulah tidak sedemikian. Jadi dengan kerana itu saya rasa adalah lebih adil wakil penanam ini ditambahkan lagi. Kalau wakil syarikat yang hanya ada beberapa buah syarikat sahaja ada dua orang, dan wakil pengawit-pengawit juga dua orang, saya rasa patut wakil penanam-penanam ini sekurang-kurangnya tiga orang. Kita bagikan kepada tiga bahagian di Semenanjung Malaysia ini iaitu Utara, Selatan dan tengah. Seorang di Utara diwakili daripada Negeri Perlis, Kedah dan sebagainya dan kalau hendak mengambil seseorang wakil itu biarlah mereka itu dipilih. Janganlah hanya ditunjukkan mengikut yang mana dekat, yang dilihat sahaja dan yang kenal Menteri, pemilihan seperti itu tidak patut. Seorang mewakili kawasan tengah iaitu termasuk Trengganu, Kelantan, Pahang dan sebagainya dan seorang lagi mewakili Selatan iaitu Johor, Melaka dan Negri Sembilan. Saya rasa itu adalah lebih adil. Selangor tidak apalah sebab dia di tengah-tengah Ibu Kota dekat hari-hari boleh tengok, tetapi saya rasa untuk menjadi wakil ganti bolehlah.

Itulah sedikit-sebanyak permintaan yang saya rasa adil untuk memberi faedah kepada penanam-penanam tembakau ini. Dan sebelum saya duduk saya hendak bercakap berhubung dengan kesusahan yang dihadapi oleh pihak pengawit-pengawit tembakau bumiputra ini, iaitu berhubung dengan kewangan. Memang Bank Pertanian dan juga Bank Rakyat ada memberi sumbangan bantuan kepada pengawit-pengawit syarikat bumiputra ini, tetapi kadangkalanya syarat-syarat yang dikenakan adalah sedikit ketat

dan lambat mendapat bantuan-bantuan sehingga kadang-kadang menyusahkan juga setengah-setengahnya. Maka apa yang saya kehendaki ialah saya mintalah bantuan-bantuan kewangan ini dilebihkan lagi dan di-segerakan proses-prosesnya supaya betul-betul memberi pertolongan dan kegunaan kepada pengusaha-pengusaha bumiputra ini.

5.16 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini, saya nampak bahawa Rang Undang-undang yang ada ini sangat lemah dan ini juga merugikan penanam-penanam kita, maka dengan sebab itu Rang Undang-undang itu dibawa. Satu perkara yang sangat baik iaitu Lembaga Penasihat itu dihapuskan sebab melalui penasihat ini bermacam-macam kesulitan yang dihadapi oleh pengawit dan penanam-penanam tembakau.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penambahan anggota-anggota Lembaga dan perwakilan daripada pengawit-pengawit yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, saya harap hendaklah benar-benar wakil ini datang daripada penanam sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat sahabat saya tadi. Sebab Yang Berhormat telah mengadakan bahawa hendak diselaraskan Persatuan Peladang. Persatuan Peladang ini adalah badan Kerajaan yang banyak petani-petani kita pada masa sekarang tidak berapa gemar terutama orang yang menanam tembakau. Bermacam-macam kesulitan yang dibuat oleh peladang ini diserahkan pada Lembaga Pertubuhan Peladang yang menjadikan perusahaan tembakau ini kadang-kadang tidak berjaya. Bila tidak jadi penanam-penanam kita ini bosan dan merugikan wang Kerajaan sahaja. Bumiputra di dalam negeri ini telah mengusahakan penanaman tembakau dengan sendirinya penanaman tembakau ini adalah 90% diusahakan oleh bumiputra, kata Yang Berhormat tadi 30,000 ekar telah ditanam. Saya harap Lembaga Tembakau Negara ini akan membuat satu kajian dan dicadangkan pada satu masa yang akan datang pada Rancangan Malaysia Yang Ketiga yang mana Malaysia ini boleh dijadikan negeri yang boleh mengeluarkan tembakau yang cukup. Sekarang tembakau yang keluar di Malaysia ini hanya 50%, 50% tembakau lagi kita beli daripada luar negeri. Pada hal negeri ini subur, sesuai dan ada orang yang menanam.

Jadi kita mahu di satu masa akan datang bahawa hasil perusahaan tembakau ini dapat diusahakan oleh negara ini dan tembakau ini juga kita harap satu masa kelak kita dapat eksport ke luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada tembakau kita jadikan rokok iaini tembakau yang dikatakan tembakau virginia yang boleh dibuat rokok, Lembaga Tembakau Negara mesti membuat kajian bahawa jenis tembakau yang dibuat cerot hendaklah ditanam lebih banyak dalam negeri, dan satu masa akan datang kita mahu di Malaysia ini juga boleh mengeluarkan cerot-cerot yang moden, sama dengan cerot Filipina dan lain-lain tempat.

Ini adalah disebabkan tanah kita ini sangat sesuai dan subur ditanam tembakau.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah yang lain-lain saya mengharapkan Lembaga Tembakau Negara mengkaji balik pembelian. Harga tembakau kering pada masa sekarang ialah \$4.75 satu pound. Saya harap dinaikkan sebanyak \$1 menjadikan \$5.75. Kalau benar-benar hendak memberikan faedah kepada penanam tembakau ini tarafnya baik sebab penanam tembakau ini menghadapi pertama sekali upah mahal, baja mahal, membajak pun mahal kerana dengan harga yang murah ini mereka tidak dapat keuntungan. Dan juga bagi pengawit tidak boleh dapat keuntungan dengan harga yang ada pada masa sekarang. Saya harap Kerajaan kena memikirkan harga itu dinaikkan \$1 pada satu pound tembakau kering.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah kesulitan yang dialami oleh penanam tembakau kita sekarang, kalau Kerajaan boleh beri subsidi baja kepada penanam padi, Kerajaan patut juga memberi subsidi kepada penanam-penanam tembakau, dan ini untuk memberi satu penggalakan kepada pengusaha-pengusaha ini. Saya mengatakan bahawa kesulitan yang dihadapi oleh penanam-penanam tembakau kita pada masa sekarang, terutama sekali bila hendak mengubah syarat tanah, bila hendak buat ban, hendak membuat rumah asap hendak berjumpa dengan Pejabat Tanah, hendak ubah syarat itu berbulan-bulan, kadang-kadang bertahun-tahun. Ini satu masaalah, pada hal bukan berupa pengilangan, tetapi sebagai rumah asap untuk mengasapkan tembakau. Peraturan ini patut boleh disegerakan. Hal yang semacam ini kadangkala dihadapi oleh

penanam tembakau kita hingga buntu, mereka telah mengeluarkan modal yang begitu banyak, tetapi syarat hendak mendirikan ban atas tanah itu sangat lambat dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Daerah di setengah daerah. Dan ada pula setengah Pejabat Daerah tidak membenarkan orang itu menanam tembakau melainkan diubah syarat. Ini satu perkara yang menyulitkan pengusaha-pengusaha kita. Dalam masaalah ini kita boleh ringankan sebab tembakau ini dijumlahkan seperti jenis selingan juga, tidak payah dan tidak perlu dengan syarat-syarat tanah itu diubah dan Kerajaan kkuatir pula kononnya kalau banyak menanam tembakau nanti mereka tidak akan menanam padi. Ini satu perkara yang saya fikir patut difikirkan oleh Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah pinjaman Bank Bumiputra oleh pengawit-pengawit. Ini pun satu perkara juga, bermacam-macam ulasan timbul. Apabila kita hendak meminjam wang dari bank ini kerana hendak membuat perusahaan ini bermacam-macam syarat dikenakan. Mereka hendak cagaran geran dan diproses permohonan itu berbulan-bulan. Pada hal setengah-setengah bank yang lain kalau kita hendak meminjam \$20,000—\$30,000 tidak payah cagaran dengan geran, tetapi Bank Pertanian ini berkehendakkan cagaran geran. Kalau geran itu dipunyai oleh orang lain lagi susah kita hendak dapat. Jadi, saya harap Kementerian ini dapat memikirkan supaya dihapuskan cagaran yang menghendaki geran pada pinjaman-pinjaman Bank Pertanian itu dan dibuat sebagaimana bank-bank perdagangan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, setengah-setengah daerah pula mengatakan bahawa tanaman tembakau ini tidak termasuk di dalam Rancangan Buku Hijau sebab tembakau ini lain, mereka bataskan tanaman tembakau ini hanya sedikit sahaja yang boleh. Saya memandang bahawa usaha menanam tembakau ini dengan Rancangan Buku Hijau ini sangat sesuai, sebab selepas sahaja mereka menanam tembakau kawasan itu tidak boleh ditanam dengan tembakau lagi. Menurut pakar tembakau hendaklah ditanam dengan jenis makanan seperti jagung, keledak dan kacang. Jadi, petani itu selepas ditanam tembakau mereka kena rehatkan tanah itu dengan menanam keledak dan selepas mereka menanam keledak, mereka boleh menanam tembakau

balik semula. Jadi, dengan keadaan yang begini, saya ingat sangat sesuai dengan keadaan Dasar Ekonomi Baru dan Buku Hijau ini bahawa bukan sahaja mereka dapat hasil tembakau, tetapi mereka boleh dapat hasil daripada tanaman yang saya sebutkan ini. Tetapi setengah Pejabat Daerah dalam negeri tidak membenarkan dalam Rancangan Buku Hijau ini dimasukkan tanaman tembakau, sebab tembakau tidak boleh dimakan, tembakau boleh dihisap (*Ketawa*). Ini menurut pada segi bahan yang dimakan, bahan yang dihisap itu betul, tetapi dari segi mana yang kita kehendaki, segi menaikkan taraf hidup petani kita selain daripada hasil kacang, keledak dan jagung mereka juga dapat hasil tembakau, sebab tembakau ini, kalau kita boleh tanam sekarang kita boleh dapat untung dalam masa 4 bulan sebanyak \$1,200 seekar, tetapi hendaklah dijaga dengan betul.

Jadi dengan keadaan yang begini, saya fikir tiap-tiap Kerajaan Negeri patut memberikan kerjasama kepada Lembaga Tembakau ini dengan memberi kawasan yang luas. Kita tidak mahu kawasan tanaman tembakau ini seluas 30,000 ekar, kita mahu kawasan tanaman tembakau ini lebih berganda lagi pada suatu masa yang akan datang. Dan dengan keadaan yang seperti ini, saya fikir, ini benar-benarlah hasrat Kerajaan hendak menolong kaum bumiputra dalam perusahaan dan perindustrian. Industri yang kecil-kecil ini boleh dibawa ke kawasan-kawasan kampung dan perusahaan tembakau ini menghendaki pekerja yang ramai. Dengan adanya pekerja yang ramai Kerajaan sudah untung—pengangguran dalam kampung, dalam negeri ini dapat diatasi, sebab kalau ada 5 buah rumah asap itu sekurang-kurangnya 100 orang pekerja yang dikehendaki. Kalau kita buat banyak ban di kawasan-kawasan yang tertentu, saya fikir rakyat dalam negeri ini akan dapat satu kerja yang dipertanggungjawabkan oleh perusahaan tembakau. Saya harap perkara yang seperti ini dapat diperhatikan oleh Kerajaan. Rancangan menanam tembakau di negara kita ini hendaklah dijadikan satu rancangan negara, sama juga dengan tanaman padi, kelapa sawit, tebu dan yang akhirnya tanaman tembakau. Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, ucapan saya.

5.15 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama menyokong Rang Undang-undang ini. Kalau tidak pun tiap-tiap Rang Undang-undang mesti juga disokong, jadi saya sokonglah. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini oleh kerana tujuan Kerajaan memang untuk meninggikan taraf hidup terutama sekali bumiputra yang duduk jauh daripada bandar.

Menanam tembakau ini yang saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, bukanlah senang, tetapi satu bahan tanaman yang susah ditanam oleh kerana banyak musuh-musuhnya seperti ulat dan terpaksa menggunakan ubat-ubat untuk menyemburkan supaya membunuh ulat-ulat yang memakan daun tembakau ini.

Di negeri-negeri yang saya lawati, saya tengok, Tuan Yang di-Pertua, ada setengah-setengah negeri, tembakau (tobacco) ini adalah dimonopoli oleh Kerajaan Negeri. Apa sebab dimonopoli? Oleh kerana rokok ini adalah satu hasil negeri yang paling tinggi. Rakyat di sini menghisap rokok. Di Singapura ada dibataskan dengan tidak ada advertisement dan sebagainya, tetapi di negeri kita ini boleh. "Rothmans rokok yang paling baik di dunia" misalnya, dan lain-lain. Dengan sebab itu, rakyat semakin hari semakin berkehendakkan menghisap rokok dan berapa ramai lagi orang akan terus-menerus menghisap rokok dan pasarannya (market) terjamin. Dengan sebab itu, di negeri-negeri yang berdemokrasi seperti Taiwan dan negeri Jepun tembakau ataupun rokok ini adalah dimonopoli oleh Kerajaan. Saya bukan mengatakan di sini iaitu Kerajaan Malaysia akan memonopoli pula di atas tembakau, tidak begitu. Saya berkehendakkan iaitu penanam-penanam tembakau ini supaya jangan diperbudak-budakkan oleh kilang-kilang tembakau, jangan harganya dapat dipermain-mainkan oleh orang-tengah. Harganya dipermain-mainkan bukan sahaja oleh orang-tengah, tetapi juga oleh capitalists untuk mendapat keuntungan yang lebih daripada penjualan rokok-rokok mereka. Saya tahu juga iaitu penanam-penanam tembakau kita di kampung-kampung susah, oleh kerana sungguhpun ada badan-badan ataupun bank-bank seperti Bank Pertanian dan sebagainya untuk menolong dan menggalakkan bumiputra mening-

gikan taraf hidupnya, seperti rakan-rakan saya mengatakan tadi untuk meminjam wang daripada bank sangat susah.

Saya melihat di satu negeri di mana Pertubuhan Peladang adalah tersangat kuat. Pertubuhan Peladang ini atau Pertubuhan Petani ini apabila kuat maka Kerajaan negeri itupun takut kepada petani-petani ini. Oleh kerana 80% daripada orang-orang dalam negeri itu adalah petani belaka, kalau semua masuk dalam Pertubuhan Petani ini, maka tentulah Kerajaan goncang sedikit untuk mempermain-mainkan petani-petani ini. Ada Pertubuhan Petani, yang mempunyai bank sendiri yang senang mereka meminjam wang; kedua mempunyai transportnya sendiri, mempunyai kilang-kilang sendiri untuk menyalai tembakau dan sebagainya dengan sendiri. Mempunyai kedai-kedai di mana mereka boleh membeli segala perkakas taninya sendiri—serba-serbi lengkap. Ini yang dikatakan satu Pertubuhan Petani yang cukup lengkap, bukan hanya ada nama sahaja.

Pada hari ini kita ada mempunyai nama-nama dan memang bagus nama-nama itu. Ada yang nama Ahmad, ada yang nama Baba dan sebagainya. Adakah si Baba ini disekolahkan? Sampai tingkatan berapa Baba ini disekolahkan. Ini yang kita pertimbangkan. Jadi nama-nama sahaja. Sungguhpun ini baru dan nanti akan dijawab oleh Yang Berhormat Menteri bahawa perkara ini baru, pertubuhan perniagaan ini adalah baru, pertubuhan itu adalah baru; kita tidak boleh tegakkan Rome di dalam satu hari, atau sepuluh hari atau sepuluh tahun. Tetapi kalau hendak maju maka terpaksa kita bertindak dengan seberapa segera untuk meninggikan taraf petani-petani kita terutama sekali di Kelantan dan di Trengganu di mana didapati menanam tembakau dengan berluas-luasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah membincangkan banyak sangat berkenaan dengan agen-agen tembakau bumiputra oleh kerana kalau mereka layak barangkali dengan dasar Kerajaan pada hari ini, maka dapatlah mereka ini sebagai agen-ajennya, tetapi di sini saya mengesyorkan kepada Kerajaan oleh kerana petani-petani kita hari-hari mencangkul, berpeluh dan juga kadang-kadang sampai malam baru balik ke rumah, mereka juga bukan sahaja hendak menjual daun-daun tembakau, tetapi juga hendak membeli

saham-saham daripada pengeluaran hasilnya. Kerajaan mesti menimbangkan di atas perkara ini di mana Rothmans dan Malayan Tobacco mestilah memberi sekurang-kurangnya bukan sahaja hak istimewa bumiputra tetapi hak istimewa kepada orang yang menanamnya mestilah diberi saham-saham atau membeli saham-saham. Ini adalah untuk petani-petani supaya mereka bukan sahaja mencangkul lebih kuat lagi tetapi mereka juga menengok iaitu tembakaunya adalah digunakan di dalam fakteri mereka sendiri. Kerajaan mestilah menengok supaya dapat memberi saham-saham tembakau ini untuk petani-petani ini juga.

Selain daripada itu kita juga menggalakkan penanam-penanam tembakau ini menanamnya dengan lebih banyak lagi dari setahun ke setahun. Saya hendak tahu daripada yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab di atas perkara ini bahawa daripada tahun 1960 berapa banyak tembakau yang dikeluarkan oleh negeri kita dan juga bertambah daripada tahun 1960 sampai tahun 1975 ini. Berapa peratus naiknya dari setahun ke setahun dan juga saya hendak tahu berapa banyak impot tembakau ke dalam negeri ini supaya kilang-kilang Malayan Tobacco dan Rothmans dapat mengilang dan membuat rokok untuk pengeluarannya dalam negeri ini. Saya katakan begitu, oleh kerana jikalau kita galakkan dan terus galakkan untuk menanam tembakau, terpaksalah kita mencari tempat di mana kita boleh ekspot tembakau-tembakau ini. Jikalau nanti harga tembakau turun, atau jatuh, saya ingat ianya akan menjadi kesusahan kepada penanam-penanam tembakau kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga meminta supaya Pejabat-pejabat Pertanian ini bukan sahaja menengok atas pembelian-pembelian tembakau daripada orang-orang kita, tetapi juga Pejabat-pejabat Pertanian di tiap-tiap tempat hendaklah jikalau boleh mengadakan research station samada di Trengganu ataupun di Kelantan oleh kerana jikalau kita hendak membuat atau menanam tembakau dengan berleluasan sepertimana kita menanam getah di mana kita mengadakan research station di Sungai Buluh dan lain-lain tempat, maka kita juga berkehendakkan research station untuk tembakau supaya kegunaan tembakau ini sepertimana saudara saya katakan tadi iaitu hendak membuat cerut, cerutnya lebih baik daripada cerut

Manila dan cerut Rangoon, begitu juga kita mesti membuat untuk cerut menyiasat bagaimana untuk menanam tembakau ini dan saya tahu iaitu cerut yang di atas sekali yang baik dalam dunia ini adalah datangnya daripada Medan di Sumatera. Itu yang baik sekali. Dengan sebab itu adakah tembakau kita yang ada ditanam di Kota Bharu (Kelantan) atau di Trengganu baik untuk golongan atas atau golongan bawah di mana yang eloknya. Ini mestilah dibuat satu research dan kalau tidak begitu maka tembakau terus ditanam dan terus dijual begitu sahaja yang mana saya dapat tahu iaitu golongan yang di atas itu harganya lebih mahal lagi daripada golongan yang bawah tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta juga supaya Pejabat-pejabat Pertanian atau pakar-pakar pertanian hendaklah selalu menengok petani-petani ini bagaimana mereka menanam dan apa jenis ubat-ubat moden yang akan disemburkan kepada tembakau-tembakau ini.

Saya rasa tidak ada apa-apa lagi yang hendak dicakapkan berkenaan dengan rokok ini dan saya harap Kerajaan akan menimbangkan di atas cadangan-cadangan saya supaya petani-petani kita yang menanam tembakau dapat menenakmati dengan membeli saham-saham daripada Malayan Tobacco dan juga daripada Rothmans.

5.27 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya pun kurang faham mengenai nasib saya dalam Dewan ini mengapa banyak sangat yang saya tidak boleh sama dengan orang lain. Biasanya, kalau satu orang itu yang berlainan daripada yang ramai, maka satu orang itulah kalau tidak salahpun tidak boleh dipakai. Tetapi dalam masaalah Rang Undang-undang ini, saya yakin dan percaya ramai Ahli-ahli Yang Berhormat dan mungkin termasuk Tuan Yang di-Pertua sendiri akan menyokong orang seorang daripada orang yang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, saya sama sekali tidak bersetuju bukan sahaja ditambah pegawai-pegawai, ditambah wakil, tetapi Rang Undang-undang ini sendiripun saya tidak bersetuju. Sebabnya, saya percaya tujuan Kerajaan di ketika mengemukakan

Rang Undang-undang ini tujuan yang teringginnya ialah hendak menolong petani-petani. Di dalam kalangan petani-petani itu terdapat petani-petani yang menanam tembakau. Nasib mereka ini kurang baik, maka Kerajaan memikirkan dengan jalan membuat Undang-undang ini dapatlah dibela nasib mereka yang tidak baik itu. Tetapi kita lupa, tujuan kita itu lain, cara kita membuat itu lain. Saya tidak mahu sebagaimana pepatah mengatakan: *The end justifies the means*—saya tidak mahu itu. Tujuan kita adalah baik dan hasil yang kita perundangkan ialah tanaman tembakau. Tembakau ini, bagi saya serupa sahaja dengan ganja dan dengan candu. Cuma degree candu itu kuat sedikit lagi dan ganja ini nombor dua manakala tembakau ini nombor tiga. Saya tahu tembakau sebab pada suatu masa dahulu saya menghisap tembakau, tetapi saya sudah ceraikan tembakau dengan talak tiga ber-puluh tahun sudah.

Tuan Yang di-Pertua, kita ingat sejarah bagaimana penjajah Inggeris membawa candu ke Negeri China. Pada mulanya dibawa candu itu untuk membuat ubat dan akhirnya diajar bagi makan dan selepas itu menjadi satu perniagaan yang besar dan apabila orang-orang China sedar bahawa perkara ini bukan sahaja dari segi perniagaan umat China itu rugi tetapi dari segi kesihatan pun rugi, maka mereka itu enggan berniaga berkenaan dengan opium ataupun candu. Maka penjajah pada masa itu memaksa umat China sehingga masyhur satu peperangan yang dinamakan Opium War di Negeri China. Ini, Tuan Yang di-Pertua, patut menjadi pelajaran kepada kita dan janganlah kita memandang semat-mata kerana kita membuatnya untuk mendapat duit.

Tuan Paul Leong Kee Siong: (*Dengan izin*) Mr President, Sir, on a point of order. We are discussing about the tobacco industry and not about opium or ganja for the matter.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, kalau on a point order, order nombor berapa? Tetapi Timbalan Menteri pun salah faham. Saya tidak bercakap mengenai tembakau, tetapi candu, saya menceritakan bagaimana tembakau itu jatuh nombor tiga daripada candu. (*Ketawa*) Jadi, saya menceritakan yang nombor satu, bukan saya hendak hisap candu, insya

Allah saya tidak mahu hisap candu, sebab itu badan saya sihat dan tidak kurus (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Tolong ringkas-kan sedikit.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, pada 24hb Julai, hari Rabu di Geneva, Pertubuhan Kesihatan Sedunia—World Health Organisation (WHO) telah bermesyuarat dan mengikut laporan daripada Expert Committee atau Jawatankuasa Pakar yang terdiri daripada 145 buah negara telah membuat satu laporan dan teguran kepada Kerajaan-kerajaan yang menggalakkan perniagaan tembakau. Di dalam report itu, salah satu daripadanya menyebutkan:

“No doubt that many millions of lives are adversely affected by cigarette smoking every year”.

Selain daripada itu pula, tembakau ini menyebabkan satu penyakit, di sini Ahli-ahli Yang Berhormat terdiri daripada beberapa orang doktor dapat mengakui, iaitu penyakit barah perut ataupun dinamakan “gastro-duodenal ulcer”. Doktor-doktor cukup mengetahuinya. Penyakit ini mudah terjadi dua kali ganda daripada orang yang tidak menghisap rokok.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan kita yang mulia ini pun menggalakkan rakyat kita kembali semula kepada zaman “Perang Candu”, menggalakkan supaya rakyat kita kena penyakit “gastro-duodenal ulcer”. Jadi, Dewan kita buat undang-undang supaya rakyat kita sakit terus. Itu sebab saya membantah. Report itu juga berkata; Dr Tejada De Reveiro, Assistant Director-General bagi Jawatankuasa Pakar itu mengatakan:

“Smoking is one of the greatest health hazards of the modern time”.

Dan saya quote lagi report itu mengatakan:

“The mortality of Japanese cigarette smokers, both male and female, has been found to be 22% higher than that of non-smokers.”

Jadi, bermacam-macamlah, dan bagi negeri kita yang sedang membangun, maka report itu mengatakan:

“In certain developed States, the publication of scientific findings on the effect of

smoking seem to have reduced cigarette smoking, but the consumption in developing countries is rapidly increasing.”

Ini nasihat daripada satu badan expert di dalam dunia yang terdiri daripada 145 buah negara. Mereka menasihatkan kepada kita dan menasihatkan kepada negara-negara yang sedang membangun supaya mengurangkan urusan perniagaan tembakau. Tetapi kita dapati pada hari Rabu yang lalu Badan Pakar Dunia itu menasihatkan, hari Isnin ini kita membuat undang-undang untuk membanyakkan lagi penghisap rokok, sebabnya kerana nasihat ini tidak dipaksa, barangkali tidak pakai senjata. Saya rasa kalau kita tidak mahu buang pada masa ini, saya yakin pada tahun 1979 Undang-undang ini tidak ada lagi dalam negara ini apabila kita mengadakan satu Kerajaan yang lain.

Jadi, saya menyeru dalam dua perkataan lagi iaitu apa yang diseru oleh Persidangan Geneva itu iaitu:

“The Government action should include dissemination of information, support for activities to help people stop smoking, promotion of legislation and research.”

Jadi, kita kurangkan perkara dadah. Yang sebenarnya, bagi saya smoking ini dadah, dadah yang mula-mula ataupun yang pertama, yang kuat sedikit dan yang kedua ialah dadah yang sebenarnya dan yang ketiga ialah candu. Jadi opium itu superlative degree, tembakau comparative degree dan bezanya tak ada apa-apa. Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya bukan sahaja membantah tetapi mengutuk pada undang-undang yang semacam ini.

5.35 ptg.

Wan Sulaiman bin Wan Tam: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Lembaga Tembakau Negara (Pindaan).

Pertama sekali, saya ingin menyentuh perkara tembakau mengenai negeri Kedah yang di luar daripada kawasan MADA, tempat tanaman padi dua kali setahun dan banyak juga orang-orang yang tak dapat tanam benda-benda keluaran yang boleh dapat dijual dengan memuaskan untuk kehidupannya. Boleh dikatakan banyak tempat tanahnya tinggi yang tak boleh ditanam padi

dua kali setahun itu telahpun mula ditanami dengan tembakau. Saya bersetuju tanaman tembakau ini ialah satu perusahaan yang boleh menambahkan pendapatan bumiputra. Oleh sebab pasaran dan cara-cara hendak menanam dan sebagainya diberikan telah diadakan oleh Syarikat Malayan Tobacco, saya percaya perusahaan ini dapat menolong bumiputra, terutama di Kedah dan kita mesti galakkan dengan memberi pertolongan atau mengadakan satu Jawatankuasa supaya tanaman ini boleh diperbesar dalam negeri Kedah sesuai dengan tempatnya. Oleh sebab pendapatan daripada tanaman tembakau ini saya dapati sangat lumayan, sangat memuaskan seperti kata Datuk Haji Ahmad Arshad, itu memang betul. Saya dapat tahu di Kedah ditanam seribu pokok boleh dapat hasil sebanyak \$250 dalam tempoh 4 bulan, seribu pokok itu ditanam dalam kawasan seluas siku relong lebih kurang. Jadi, kalau satu relong boleh dapat hasil yang banyak. Ini adalah satu pendapatan yang sangat mewah yang patut digalakkan jika sekiranya kita hendak meninggikan taraf penghidupan orang-orang kampung, mereka mestilah keluarkan barang-barang tanaman dengan banyak untuk dijual. Jika hendak meninggikan taraf ekonomi orang kampung seperti di Kedah atau di Johor, mereka hendaklah menggunakan tanah yang sesuai dengan tanaman tembakau itu. Oleh sebab 50% tembakau kita diimpot, mengapa tak boleh ditanam di negara kita sendiri. Jadi hendak mengemaskan penanam-penanam tembakau ini banyak kesulitan-kesulitannya dan tujuan Akta Lembaga Tembakau Negara, 1973 itu ialah hendak remedy segala kemerosotan berkenaan dengan industri tembakau ini. Kita tahu di Kelantan orang-orang tanam banyak tembakau, dengan tidak kawalan dan peraturan kesudahannya mutu tembakau keluarannya tak elok, pencurian daun tembakau di sana-sini oleh sebab pengawit-pengawit tidak dapat daun dengan cukup; dan lain-lain kerumitan. Industri itu bukannya mendatangkan keuntungan kepada Negeri Kelantan tetapi buat kacau-bilau, oleh sebab itulah maka Undang-undang Lembaga Tembakau Negara, 1973 itu dibuat. Jadi kita kenalah memelihara, dan mengelakkan benda-benda yang boleh merosakkan industri tembakau ini.

Berkenaan dengan Pertubuhan Peladang di Kedah, saya nampak ia hendak memajukan Persatuan Peladang itu dengan mengambil bahagian dalam perusahaan tembakau ini tetapi orang yang hendak menanam tembakau ini tak ada. Mereka mencari jalan segala pengawit-pengawit yang baru ada setahun dua ini diberi kredit, diberi hutang, semua penanam-penanam daun tembakau terpaksa menjadi Ahli Persatuan Peladang yang pengawit sudah tertutup pengawitnya yang baru hendak bernyawa, baru hendak belajar. Penanam-penanam tembakau ini banyak, pengawit dan penanamnya bumiputra, penanam-penanam ini jual ke sana-sini. Ini saya fikir bukan satu tujuan sahaja yang hendak dibuat. Kita mahu ramai orang tanam tembakau banyak-banyak dan kita mahu pengawit daripada bumiputra pun banyak juga. Pada masa hendak menjual tembakau tak menjadi masalah, kerana telah ada ready market seperti M.T.C., Rothmans, semuanya berebut hendak membeli tembakau. Harga pun tak susah, sebab sudah ditetapkan harga daun hijau; sekian harganya; harga daun kering M.T.C. beli, semuanya tersusun, tak ada apa-apa, cuma hendak mengelakkan daripada berlakunya kacau-bilau ini. Penanam, pengawit, Persatuan Peladang menjadi kalam-kabut semuanya.

Saya berharap Lembaga ini dapat menyimpulkan (concentrate) di atas point yang saya kemukakan itu. Apa yang menyebabkan Negeri Kelantan sudah menjadi merosot dengan hasil pengeluaran tembakaunya, ialah disebabkan kekacauan. Cara yang senang ialah dengan menasihatkan Lembaga itu mengambil expert. Tentang soal kewangan, saya rasa itu perkara kecil. Itulah sahaja ucapan saya.

5.44 ptg.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Prtua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) 1973. Sebagaimana masalah-masalah yang telah ditimbulkan oleh rakan-rakan saya tadi, maka keadaan ini berlaku juga di negeri saya, Negeri Perlis. Petani-petani di sana selepas membuat bendang, kebanyakannya menanam tembakau.

Dengan penanaman tembakau ini, saya rasa apa yang telah dibentangkan dalam Rang Undang-undang ini, iaitu menambahkan ahli dalam Lembaga ini daripada penanam tembakau dan beberapa perkara lagi yang ditambah, maka tentulah tujuannya baik daripada pihak Kerajaan kerana mengatasi masalah-masalah yang timbul daripada penanam-penanam tembakau. Penanam-penanam tembakau ini ada perbezaannya di negeri masing-masing. Bagi Negeri Perlis, penanaman tembakau ini semasa musim hujan memanglah kalam-kabut sedikit disebabkan air bah dan lain-lain lagi, tetapi kita berharap kepada pihak Kerajaan atau pihak pertanian supaya mengawasi dalam perkara ini supaya dapat menolong sebagaimana pertolongan yang diberikan kepada petani-petani, iaitu pam-pam air dapat disegerakan. Kita tahu, lebih-lebih lagi dalam hal tembakau ini jika sekiranya tenggelam dengan sekejap sahaja akan jahanamlah kerosakan kepada tembakau-tembakau itu dan menjadi kerugian besar kepada penanam-penanam tembakau.

Sebagaimana yang dibangkitkan tadi berkenaan dengan perselisihan faham di antara Persatuan Peladang dan orang-orang perseorangan yang menanam tembakau ini memang berbangkit di mana-mana tempat juga. Di dalam soal ini juga kita berkehendakkan kepada pengawasan yang lebih baik lagi supaya perkara ini tidak akan berlaku dan begitu juga kelonggaran yang kita kehendaki untuk petani-petani kita dan penanam-penanam tembakau atas pinjaman-pinjaman ataupun mendapatkan wang-wang peruntukan untuk perusahaan-perusahaan tembakau ini dimudahkan oleh Bank Pertanian, kerana syarat yang dikenakan kepada penanam-penanam tembakau ini terlalu ketat sangat di atas soal pinjaman ini. Umpamanya, di Negeri Perlis yang bersempadan dengan negara lain maka keadaan tembakau ini biasa juga berlaku penyeludupan dan kita berharap pihak Kerajaan akan mengawasi dalam perkara ini.

Saya suka juga menyentuh berkenaan dengan wakil-wakil untuk penjualan rokok-rokok di negeri-negeri yang mana kita tahu bagi pihak pembuat rokok ini boleh dikatakan tiap-tiap negeri mendapatkan daun-daun tembakau dan membuat rokok, tetapi wakil-wakil atau ajen untuk menjual rokok ini adalah sangat susah hendak diberikan kepada

negeri-negeri setakat yang saya dapat faham. Dengan kerana itu, kita berharap pihak Kerajaan akan dapat berhubung dengan pihak syarikat-syarikat pengeluar rokok ini supaya dapat dimudahkan atau dibahagikan wakil-wakil bagi negeri itu untuk menjual rokok-rokok keluarannya yang mana tembakau-tembakau ini diambil daripada negeri-negeri itu. Itulah sahaja ucapan saya.

5.48 *ptg.*

Tuan Abdul Aziz bin Tapa: Tuan Yang di-Pertua dan juga sidang yang dihormati, saya sesungguhnya menyokong Akta Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) (Pindaan), 1975. Kita baharu dengar tadi seorang daripada rakan kita bercakap sepatutnya kita tak mahu Undang-undang ini, saya pun dukacita mendengarnya kerana apa yang direkodkan daripada W.H.O. itu ialah merbahayanya menghisap tembakau, yang kita hendak buat ini ialah menyelamatkan penanam tembakau, jadi saya rasa bezanya macam bumi dengan langit. Kadang-kadang kalau Yang Berhormat kata ia tidak angan-angan pun susah juga duduk dalam Majlis ini.

Sebab-sebab saya menyokong ialah kerana kita nampak negeri kita ini ialah negeri pertanian (agriculture), ada juga disarankan supaya kita menanam berbagai-bagai bahan tanaman untuk mencari kehidupan dan juga makanan dan kita tahu bahawa sudah ditakdirkan negeri kita ini ialah negeri yang subur, jadi ini adalah satu peluang yang baik bagi rakyat untuk menambahkan pencarian. Orang yang menanam tembakau belum tentu dia menghisap tembakau, jadi si penanam jauhlah daripada merbahaya tembakau tetapi apa yang dia dapat ialah wang pendapatan yang boleh dibelanjakan untuk menyara hidup anak-isterinya.

Saya fikir eloklah tembakau ini dimajukan lagi penanamannya dibuat research sebagaimana kata yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik tadi. Setahu saya mengikut apa yang diketahui bahawa hanya 50% sahaja daun tembakau Malaysia yang dipakai untuk membuat keseluruhan rokok-rokok yang ada di Malaysia. Adakah ini disebabkan oleh hendak mempertahankan kapitalis-kapitalis yang berkenaan tembakau dari luar Malaysia ataupun bahawa diperlukan tembakau luar itu untuk memberi taste yang sedap kepada rokok-rokok yang dibuat oleh kompeni-

kompeni itu? Ini masaalahnya. Kalau sekiranya hendak menjaga kepentingan kapitalis, itu saya tidak dapat jawab, orang yang pakar dalam ekonomilah menjawabnya. Bagi saya tidak bersetuju. Tetapi jikalau kerana taste, ini saya fikir sekali lagi saya menyarankan bahawa taste ini terikat kepada satu-satu golongan manusia. Misal kata, kalaulah orang yang biasa hisap rokok daun, saya nampak dia tidak mahu hisap rokok Dunhill walaupun prestige Dunhill sebagai cigarette yang masyhur in the world. Saya tahu ada kawan-kawan saya, dia hisap rokok Keretak dari tanah Jawa. Rokok Keretak ini cukup sedap, kalau hisap sebatang, sedapnya tiga jam (*Ketawa*).

Betul, tetapi bagi saya mabuk, teruk betul. Tetapi kata seorang kawan kalau satu batang dia hisap, tiga jam dia boleh puas. Macam orang Russia, mereka buat rokok hitam (black cigarette). Orang Russia puas dengan cigaretenya. Orang Malaysia jikalau mereka tanam tembakau baik-baik, kemudian dibuat research, nanti akan dapat satu taste iaitu Malaysian taste, apa salahnya kalau cerut dari Manila (Manila Cigar), Havana, nanti satu ketika setelah kita baik tembakau kita dengan research oleh kerana kita ada kepakaran dalam bidang sains dan teknologi dan ada Universiti Pertanian. Satu ketika nanti orang tercari-cari cerut dari Malaysia, apa salahnya. Jadi dengan itu sebagaimana saya katakan tadi, saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang Lembaga Tembakau ini.

Selain daripada itu berkenaan subsidi, semuanya itu bolehlah kita minta Kerajaan fikirkan segala kesusahan-kesusahan petani-petani kerana kita tahu sekarang harga getah tidak naik sangat. Kadang-kadang harganya turun, kelapa sawit pun begitu. Jadi kalau tembakau ini daripada 50% dinaikkan 75% quotanya, untuk dibuat rokok bagi tembakau-tembakau Malaysia, petani-petani ini selepas mereka menoreh getah bolehlah mereka menanam tembakau, dengan itu pendapatannya lebih dan apa yang di cita-citakan oleh Kerajaan hendak menjadikan sebuah negara yang bahagia yang diredhai oleh Allah yang cukup rezki seperti kata Confucius: Pemerintahan yang baik ialah rakyat dalam negeri hidup sukaria, orang jauh tertarik datang. Jadi jikalau rakyat dalam negeri, sukaria,

tembakau kita laku dan barang-barang kita laku di luar negeri, orang hendak cari, jadi lah negeri kita negara bahagia.

Jadi dengan itu, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuhnya.

5.54 ptg.

Datuk J. E. S. Crawford: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang yang dibahaskan sekarang. Saya minta izin bercakap sedikit dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr President, Sir, I am not a tobacco planter but only a rubber planter. *(Ketawa)* But I would say that this Bill is essential because the growing of tobacco is a very much more skilful "game" than the growing of rubber. It has always been said that rubber will grow despite the planter, and having myself been a planter for fifty years, I think that is correct, Sir. *(Ketawa)*

With regard to the growing of tobacco, Sir, you have got to be very skilful and there is the weather element to worry about and also its diseases. I did hear just now one of the learned Senators say that we might have Malaysian cigars. Well, we have had Malaysian cigars before, but the trouble is that you cannot get the wrapper leaves to grow in Malaysia—you cannot get big enough leaves as far as I know and you have to import the wrapper leaves. The tobacco could be grown here.

Mr President, Sir, I think the growing of tobacco must be controlled; otherwise a lot of people who do not understand the growing of tobacco would be losing a lot of money. I think the Government has taken the right step and in these amendments they are moving forward further still. I fully support the Bill, Sir.

5.56 ptg.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, mula-mula saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) (Pindaan), 1975. Untuk jawapan selanjutnya, saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr President, Sir, with regard to the comment made by Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob on the enlargement of the Bumiputra agents for the sale of cigarettes, I would like to inform the House that this matter, as a matter of fact, is under the responsibility of the Ministry of Trade and Industry and I do not intend to clarify this point. I only want to say that the Government is pursuing the twin objectives of the New Economic Policy. True, we have only one farmers' representative in the Tobacco Board, but we also have one representative from the Farmers' Organisation Authority. This Farmers' Organisation Authority representative actually will represent the farmers' interests. So far, we feel that the membership is adequate to meet the needs of the farmers in the tobacco industry. However, the Tobacco Board and also my Minister will consider increasing it in time to come when the tobacco industry starts expanding at quite a rapid rate.

With regard to the comment made by Yang Berhormat Senator Datuk Mansor bin Mohamad on tobacco prices, I would say that the Board has fixed the prices of cured tobacco leaves for the farmers and the Tobacco Board will increase enforcement activities in the near future. In the past, the Board was understaffed, but we hope that the Board will be able to increase the number of staff in its Kuala Trengganu office in time to come.

I am glad to note from him that farmers organisations should not compete with each other and they should in fact look after the interests of the farmers. The Tobacco Board will give approval to grow tobacco to the farmers' organisations only in the new areas, so that we can minimise unnecessary competition among the farmers or the farmers' organisations.

As I have said before, we feel that the number of representatives from the farmers is adequate enough for the time being.

With regard to the financial assistance given to the farmers, curers and so forth, the Board will support the applications made by the farmers or the curers concerned, but it is up to the banks to accept the financial arrangements. However, we in the Tobacco Board will do our best to assist them in whatever way we can.

With regard to the comments made by Datuk Haji Ahmad bin Arshad on the loss by the farmers because of the rainy season and so forth, and also on the modern cigar, the board at the present moment is only approving the flue-cured Virginia tobacco. This is meant for cigarette manufacturing. On the other types of tobacco for cheroot or cigar, we must make sure that we have the market for the other types of tobacco and, as Yang Berhormat Senator Datuk Crawford has just said, we must also have the different types of leaves in order to provide the cigar wrappers. The prices of cured and green tobacco will be revised from time to time by the Tobacco Board in order to give a fair and just livelihood to the tobacco planters in this country. However, we cannot just increase the price as we wish, we must also take into consideration the interests of the tobacco and cigarette industry. We must take into full consideration all the factors within the industry before any further increase in the price of tobacco leaves is decided.

As I have said before, the Board and the Ministry will support the curers and farmers' applications with regard to credit facilities, but it will all depend on the banks to lend the sum of money to the parties concerned. This is my answer again to Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad with regard to the point raised by him on banking facilities to be given to the farmers and tobacco cultivators and curers.

Mr President, Sir, now we come to a very interesting and controversial issue which was raised by Senator Raja Datuk Nong Chik on the monopoly of governments of the cigarette industry. Our country is still practising a free enterprise system. As such, we let the cigarette manufacturers promote the sale of cigarettes to the people in this country. What we can do is to encourage our tobacco planters to increase their productivity so that they can meet competition from imported tobacco from overseas. For example, the yield of tobacco in the United States is 2,000 pounds per year per acre; in Taiwan, the yield is 1,500 pounds per year per acre, whereas our local yield of tobacco is only 625 pounds per year per acre. We feel that intensive research must be made in order to increase productivity within our country. As a few Honourable Senators have said, the tobacco industry provides jobs to the people

in this country, especially the rural people, and also give a reasonable income to the rural people, and we would like to promote this expanding industry.

Mr President, Sir, for the information of the House, I would like to give the comparative figures of the consumption of the local tobacco leaves *vis-a-vis* the imported tobacco leaves. In 1974 we produced 16.7 million pounds of tobacco, whereas we received 16.1 million pounds of imported tobacco leaves from overseas, i.e. about 50: 50%, but the value of our local production was \$56.7 million whereas the value of the imported tobacco was \$46 million. These statistics indicate that our tobacco industry is not productive enough yet to compete with the imported tobacco industry, but with the Government's policy to protect the local industry, we have imposed a heavy duty on imported tobacco leaves and we hope that we can encourage the growing of more tobacco in this country. For your information, Mr President, Sir, in 1960 only 40 acres had been planted with tobacco in this country, whereas in 1970 the planted acreage had already enlarged to 5,086 acres, and in 1975, this acreage has increased to 30,550 acres. It is a very, very rapid jump. (*Tepuk*).

With regard to the production in 1960 the production was 10,000 pounds. In 1970, it had already increased to 4,167 million pounds, whereas in 1975 it is estimated to have a yield of 18.5 million pounds. It is estimated that demand for flue-cured tobacco in 1980 would reach about 50 million pounds. As I have said before, in 1974 Malaysia produced only 16.5 million pounds. Therefore there is a tremendous scope for the Malaysian tobacco industry. In order to uplift the socio-economic position of the people in this country, we must increase the yield by supplying better yielding material to the tobacco farmers, I hope the information provided by me will answer a lot of questions raised by Honourable Senators in this House.

Another controversial question has been presented by Senator Haji Abu Bakar bin Hamzah when he touched on the effect of smoking to the human constitution. He mentioned about tobacco leaves, ganja, opium and so forth. Here I would like to say that tobacco does not give people the addiction as is given by opium and so forth.

However, I am not going to debate this issue because I am not an expert and I cannot claim to be an expert on the health section. This is actually under the Ministry of Health. If the Senator concerned is very interested in this topic he can raise this matter up in the House but he must direct this question to the Ministry of Health rather than to my Ministry. My ultimate objective is to encourage the tobacco industry. (*Ketawa*).

I would like to inform Senator Wan Sulaiman bin Wan Tam that the acreage planted in Kedah in 1974 was 948 acres and in 1975 it has already expanded to 1,450 acres. I have already mentioned about the growing expansion of the tobacco industry and I hope that in time to come more acreage will be available to the Kedah tobacco farmers because there is still a big scope for tobacco plantation in this country. But the Board must have firm control over the tobacco cultivation because we would like to ensure satisfactory prices to the farmers and to the country as a whole.

The bank credit facility problem has been mentioned by Senator Ismail bin Sheikh Ibrahim and I have already replied to this question in the House. I hope that in time to come we can iron out the misunderstanding between the Farmer's Associations and the farmers so that we can have a prosperous and progressive tobacco industry in this country.

What Senator Abdul Aziz bin Tapa said is correct: at the present moment, 50% of the tobacco used in this country is from our local production and 50% from the foreign countries. We will try to increase our tobacco production in order to meet the needs of the people in this country. The increase will have to be gradual. As I have said before, it is advisable for us to control this tobacco production so that fair and just prices can be given to the farmers. Also the Tobacco Board must ensure that we must not only produce the quantity required but also quality as well in order to give a so-called Malaysian taste as advocated by the Senator concerned.

Mr President, Sir, I have already taken note of the comments made by various Honourable Senators and we will do our best to improve the tobacco industry in this country.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang terhormat yang telah memberikan sokongan di atas Rang Undang-undang ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENSTABILAN HARGA GETAH

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.20 ptg.

Tuan Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk membuat peruntukan bagi penye-larasan, pelaksanaan dan pengawalan akiti-viti-aktiviti yang perlu bagi penstabilan harga getah dan bagi maksud-maksud ini menubuhkan satu Majlis Penasihat dan untuk membolehkan satu stok getah diadakan dan untuk membuat peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubung dengannya, dibaca kali yang kedua.

Perusahaan getah amatlah penting bagi negara kerana ia masih merupakan sumber utama pendapatan penukaran luar. Ia juga merupakan sumber pendapatan sebahagian besar rakyat biasa memandangkan bahawa kira-kira 500,000 keluarga atau 3½ juta orang rakyat bergantung kepadanya samada sebagai pekerja di ladang-ladang atau estet. Kejatuhan pendapatan negara boleh menjejaskan kedudukan ekonomi. Kekurangan pendapatan untuk Kerajaan pula menjejaskan keupayaannya untuk melaksanakan projek-projek pembangunan. Tidak payahlah saya huraikan apakah akibatnya ke atas hidup

pekebun kecil dan penoreh getah di Kampung dan desa kerana Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri sedia termaklum mengenainya. Dari itu, pihak Kerajaan haruslah mempunyai kuasa-kuasa untuk menghadapi sebarang perkembangan. Ini boleh membantunya supaya dapat berusaha agar sentiasa berada sekurang-kurangnya selangkah di hadapan untuk melindungi kepentingan negara, rakyat dan perusahaan ini.

Tujuan utama Rang Undang-undang ini ialah bagi menubuhkan Majlis Penasihat Negara bagi Penstabilan Harga Getah. Mengikut seksyen 3, Majlis Penasihat ini diberi peranan menasihatkan Yang Berhormat Menteri saya selaku Menteri Perusahaan Utama dalam semua perkara yang berkaitan dengan usaha-usaha Kerajaan bagi menstabilkan harga getah. Peruntukan juga dibuat bagi membolehkan Yang Berhormat Menteri melantik empat orang lain yang difikirkan layak selain daripada yang disenaraikan dalam seksyen 3 ini. Yang Berhormat Menteri saya akan memberi pertimbangan mengenai kemungkinan melantik wakil pekebun kecil dan untuk menjaga kepentingan Sabah dan Sarawak. Saya ingin menegaskan bahawa pembentukan Majlis Penasihat ini tidak bermakna saya tidak akan memberi pertimbangan kepada pendapat sektor swasta dalam perusahaan ini. Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama dan saya telah mengadakan perbincangan dengan wakil-wakil pekebun kecil, pihak estet, sektor perniagaan dan juga para pekerja sebelum dan selepas melaksanakan langkah-langkah Rancangan Kilat Jangka Pendek pada 1hb Disember tahun lalu. Perbincangan-perbincangan tersebut akan diteruskan dari masa ke semasa untuk mengesan perlaksanaannya serta untuk mendapatkan samada telah timbul sebarang masalah yang boleh diatasi melalui perundingan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, semua langkah yang telah dilaksanakan setakat ini seperti mempercepatkan tanaman semula dan mengurangkan torehan dalam sektor estet, mengharamkan kegunaan bahan kimia penggalak susu seperti erthrel di estet dan kebun kecil serta penyimpanan stok tambahan iaitu kira-kira 10% lebih daripada stok biasa (commercial stock) yang memang sentiasa disimpan oleh

sektor perniagaan telah dirundingkan dahulu pihak-pihak berkenaan melalui persatuan dan wakil-wakil mereka. Mereka telah menunjukkan persefahaman terhadap langkah-langkah tersebut dan telah bersetuju untuk bekerjasama penuh.

Walaupun saya berpuas hati dengan persefahaman dan kerjasama yang telah ditunjukkan oleh semua pihak yang terlibat, pihak Kerajaan bagaimanapun telah mengesan beberapa kes dalam mana langkah-langkah tersebut telah tidak dipatuhi sepenuhnya. Nampaknya pihak-pihak yang berbuat demikian itu telah memandang ringan terhadap tanggungjawab mereka kerana langkah-langkah tersebut hanya secara sukarela sahaja. Dengan adanya kuasa-kuasa ini, semua pihak akan lebih berminat untuk melaksanakan tanggungjawab mereka apabila mereka dikehendaki berbuat demikian.

Peraturan-peraturan seperti menyimpan stok getah tambahan dalam seksyen 4 dan melarang atau mengawal penggunaan kimia menggalak pengeluaran susu getah dalam seksyen 5 adalah langkah-langkah sementara bagi merasionalkan bekalan untuk menimbulkan kesan di peringkat harga. Kuasa-kuasa bagi membolehkan Menteri melaksanakan langkah-langkah tersebut adalah bergantung kepada keadaan dan peringkat harga getah. Jika harga getah memuaskan, iaitu stabil dalam rangkaian harga pengstabilan akibat operasi Sekim Stok Penimbal Antarabangsa yang dicadangkan itu, penyimpanan stok tambahan oleh sektor perniagaan dan larangan penggunaan kimia mungkin tidak perlu lagi pada ketika itu.

Kuasa-kuasa juga perlu diadakan seperti dalam Seksyen 5 untuk melicinkan usaha-usaha mengujudkan Perjanjian Pengstabilan Harga Getah Antarabangsa yang akan ditandatangani tidak lama lagi. Deraf perjanjian itu sedang diteliti oleh para pegawai anggota Persatuan Negara-negara Penge-luar Getah Asli (ANRPC).

Di samping itu, Seksyen 5 juga bertujuan untuk memberi kuasa kepada Menteri membolehkan supaya estet-estet dan kebun-kebun kecil di Malaysia didaftar dan semua maklumat-maklumat yang berkaitan dengan tanaman, termasuk pengeluaran, simpanan, penjualan dan eksport getah diperolehi. Ini

adalah dianggap perlu memandangkan maklumat-maklumat ini dapat menolong mengawal dan merancang perusahaan getah dengan lebih berkesan, terutama sekali dalam keadaan-keadaan yang memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mat Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.30 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan yang penuh kepada Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Ber-

hormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama yang baru sebentar tadi memberi hujjah-hujjahnya untuk diluluskan oleh Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, disamping saya memberikan sokongan di atas Rang Undang-undang ini, gemar juga saya mengambil bahagian dalam perbincangan dan memberikan pandangan-pandangan kepada Kementerian yang berkenaan

Tuan Yang di-Pertua: Majlis ini ditangguhkan sekarang sehingga pada pukul 2.30 petang hari esok, 29hb Julai, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.